

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
Rabu, 16hb. Oktober, 1996
Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang
DOA
[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAAN**

SYARIKAT BUMIPUTERA DI BSKL

1. **Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]** minta Menteri Kewangan menyatakan adakah kementerian mempunyai sasaran atau matlamat tertentu dari segi jumlah syarikat bumiputera dengan melonggarkan syarat-syarat penyenaiaan syarikat bumiputera di Bursa Saham Kuala Lumpur.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar]:

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kerajaan menyedari bahawa jumlah syarikat tersenarai yang dikuasai oleh bumiputera adalah rendah. Walau bagaimanapun, kerajaan setakat ini tidak mempunyai sasaran kuantitatif dari segi jumlah syarikat bumiputera yang akan disenaraikan. Beberapa langkah telah dan akan diambil untuk memberi kemudahan kepada usahawan-usahawan bumiputera menembusi pasaran modal dan meningkatkan penyenaiaan syarikat bumiputera, termasuklah pengumuman Suruhanjaya Sekuriti pada 27hb. Ogos, 1996 yang memberi kelonggaran

ke atas permohonan penyenaian berasaskan penggunaan akaun proforma bagi penggabungan syarikat-syarikat yang dikuasai oleh pemegang-pemegang saham bumiputera untuk tujuan penyenaian di Bursa Saham Kuala Lumpur.

- (b) Dengan kelonggaran ini, sesebuah gabungan syarikat yang dikuasai oleh pemegang-pemegang saham bumiputera yang memohon untuk penyenaian hanya perlu mematuhi syarat penglibatan di dalam aktiviti-aktiviti perniagaan yang sama ataupun saling bantu-membantu, dengan izin, complementary, sesama mereka.
- (c) Syarikat-syarikat bumiputera yang digabung bagi tujuan penyenaian itu hendaklah mematuhi syarat-syarat berikut:
 - (i) penyusunan gabungan syarikat-syarikat yang dikumpulkan perlu mempunyai unsur-unsur ketulenan;
 - (ii) syarikat yang merupakan penyumbang signifikan kepada keuntungan kumpulan proforma tersebut (bukan semestinya penyumbang utama) hendaklah diperbadankan dan beroperasi selama tidak kurang daripada 5 tahun sebelum membuat permohonan kepada Suruhanjaya Sekuriti;
 - (iii) setiap syarikat yang dikumpul hendaklah mempunyai lebih daripada 50% pemegangan ekuiti bumiputera dan dikuasai

- oleh pemegang-pemegang saham bumiputera yang sama sekurang-kurangnya 3 tahun sebelum membuat permohonan kepada Suruhanjaya Sekuriti ataupun sepanjang masa syarikat
- (iv) syarikat yang digunakan sebagai wahana bagi tujuan penyenaian, apabila disenaraikan, hendaklah mempunyai lebih daripada 50% diperbadankan sekiranya syarikat telah diperbadankan itu kurang daripada 3 tahun; pemilikan ekuitinya dalam tangan pemegang-pemegang saham bumiputera dan hendaklah dikekalkan sebagai sebuah syarikat yang dikuasai oleh pemegang-pemegang saham bumiputera; dan
- (d) syarat-syarat kuantitatif dan kualitatif yang lain bagi penyenaian hendaklah dipatuhi oleh syarikat.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Daripada syarikat-syarikat bumiputera yang disenaraikan dalam pasaran saham pertama dan kedua, saya hendak bertanya sedikit, sama ada kementerian, khususnya kerajaan berbangga tentang tahap penglibatan bumiputera dari segi tahap pengurusan tingkatan kemahiran bumiputera, pengurusan bumiputera, syarikat-syarikat yang dikatakan bumiputera dalam pasaran saham Kuala Lumpur ini. Yang kedua juga dari segi

penglibatan syarikat-syarikat bumiputera ini dari segi sektor-sektor yang mereka melibatkan diri, terutama sektor yang strategik dalam negara kita?

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, dari segi kuantitatif kita tidak boleh lagi membanggakan mengenai dengan pemegangan ekuiti bumiputera di dalam KLSE, iaitu pada masa ini keseluruhan ekuiti ataupun nisbah ekuiti bumiputera di dalam pasaran KLSE hanya 20.6% sahaja, ataupun di dalam lebih kurang 178 syarikat.

Dari segi pengurusan sepertimana Yang Berhormat minta, boleh dikatakan, boleh dibanggakan kerana syarikat-syarikat ini telah menunjuk prestasi yang baik semenjak mereka disenaraikan. Boleh dikatakan taburan syarikat-syarikat ini keseluruhan sektor-sektor industri adalah boleh dikatakan sama rata, iaitu di dalam perindustrian, dalam kewangan, perhotelan ataupun dalam lain-lain lagi.

Dr. Tan Seng Giaw: Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah prestasi papan khas untuk lebih 50 syarikat bumiputera ini. Adakah kerajaan bercadang untuk membubarkan dan menyenaraikan syarikat-syarikat ini di dalam papan kedua?

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, penubuhan papan kedua adalah bersama dengan tujuan utama untuk memperbanyakkan syarikat-syarikat bumiputera menebusi pasaran saham Kuala Lumpur. Tetapi setakat ini prestasinya tidak berapa menggalakkan kerana banyak syarikat

bumiputera yang hendak disenaraikan tidak mempunyai syarat-syarat yang tertentu.

Oleh itu, apa yang saya sebut tadi iaitu satu peraturan yang dibuat oleh Suruhanjaya Sekuriti pada 27 Ogos tahun ini yang akan memberi kebolehan untuk menggunakan performa akaun yang mana syarikat-syarikat bumiputera yang tidak mencukupi syarat-syarat kualitatif dan kuantitatif akan dapat digabungkan dan apabila mereka digabungkan, insya-Allah, syarat-syarat itu dapat dipenuhi dan banyak lagi syarikat bumiputera akan dapat disenaraikan di papan kedua dan kerajaan tidak mempunyai rancangan untuk memansuhkan papan kedua ini.

ADUAN MENGENAI KEGAGALAN PEMAJU MENYIAPKAN RUMAH

2. **Tuan Yeong Chee Wah [Batu Gajah]** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan memandangkan satu kenyataan oleh Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan pada 18.9.96 di Kuala Lumpur yang menyatakan 500 aduan diterima setiap tahun mengenai kegagalan pemaju menyiapkan rumah mengikut syarat perjanjian jual-beli atau seperti diiklankan dan kementerianya tidak boleh membiarkannya berterusan tanpa tindakan yang tegas. Berdasarkan kenyataan tersebut:

- (a) minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan mengapa kejadian tersebut tidak dapat diselesaikan dalam masa tertentu; dan
- (b) apakah alasan yang munasabah dapat diterangkan mengenai “Kementerian tidak boleh membiarkannya berterusan tanpa tindakan yang tegas”.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato’

Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali]: Tuan Yang di-Pertua, aduan yang

kementerian ini terima dari pembeli-pembeli rumah termasuk kelewatan pihak pemaju menyiapkan projek.

Pihak kementerian berpendapat di antara sebab berlakunya kelewatan adalah kerana pihak pemaju gagal mendapatkan sesuatu kelulusan pihak berkuasa disebabkan pemaju tidak memenuhi syarat-syarat yang dikehendaki oleh undang-undang.

Ada kemungkinan pemaju tidak memenuhi syarat kerana mereka kurang faham apa yang dikehendaki oleh undang-undang. Itulah sebabnya ada panduan bercetak yang membantu pemaju lebih faham kehendak undang-undang. Dengan adanya panduan demikian, pemaju tidak sepatutnya ada alasan tidak faham undang-undang.

Dari itu, mana-mana pemaju yang masih melanggar undang-undang akan diambil tindakan tegas oleh pihak penguatkuasa kementerian.

Tuan Lim Guan Eng: Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa selain daripada mengambil tindakan undang-undang sivil terhadap para pemaju yang tidak mengikut SPA (Surat Janji Jual Beli), bolehkah pihak kementerian mengambil tindakan bagi pihak pembeli kerana seringkali pembeli tidak berkemampuan untuk menyaman pihak pemaju yang tidak mengikut SPA ini. Seperti yang saya hendak memberikan dua contoh, kedua-duanya di Melaka di mana pemaju Al-Maktab - kedua-duanya melibatkan rumah kos rendah di mana ada membut janji bahawa

akan membina tangki air yang besar untuk semua penduduk rumah kos rendah, tetapi ini tidak dibina.

Kedua ialah di mana pemaju Pakatan Mawar Sdn Bhd di Melaka juga membuat janji akan menanggung kos internal plastering, tetapi tidak pun di buat. Rumah kos rendah tidak ada plastering langsung. Sunggupun perkara ini di bawa kepada perhatian pihak kementerian, tetapi tidak ada sebarang tindakan diambil bagi pihak pembeli. Macam mana kita boleh membela nasib pembeli dalam perkara-perkara seperti ini.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, sebelum rumah-rumah ini dijual kepada pembeli, pihak pemaju kemungkinan besar telah pun mengadakan model house, dengan izin, untuk ditunjukkan kepada pembeli-pembeli. Seandainya pihak pemaju tidak mengikut contoh model house yang telah pun ditunjukkan kepada pembeli, maka kementerian boleh mengambil tindakan-tindakan yang mengikut kuasa-kuasa yang ada kepada kementerian dan saya berharap kepada Yang Berhormat Kota Melaka oleh kerana perkara yang dibangkitkan tadi merupakan perkara yang spesifik, saya sedia berunding dengan beliau selepas ini.

Tuan Noh bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah pihak kementerian sedar bahawa sebab utama pihak pemaju perumahan ini tidak memenuhi syarat-syarat perjanjian jual beli ini adalah kerana sewaktu perjanjian jual beli itu dibuat, rumah ini belum lagi dibuat dan ada kadangkala

tapak perumahan pun belum lagi diratakan. Kerana mengikut standard perjanjian jual beli ini, rumah tersebut hanya boleh siap dalam tempoh dua tahun yang akan datang. Juga saya ingin mendapat penjelasan adakah pihak kementerian bercadang untuk mengadakan peraturan di mana hanya rumah-rumah yang telah siap 80% sahaja barulah perjanjian jual beli ini boleh dilaksanakan sepertimana yang dilaksanakan oleh pihak Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) - hanya rumah yang 80% sudah siap barulah perjanjian ini dibenarkan untuk ditandatangani.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini kementerian tidak berhasrat untuk mengenakan syarat bahawa rumah-rumah mesti siap 80% sebelum ianya dijual. Bagaimanapun, kementerian amat bersetuju kalau ada pemaju-pemaju yang boleh menyiapkan rumah kemungkinan 50% baru dijual dan kalau ada pemaju-pemaju yang boleh mengikut contoh PKNS, maka kementerian ingin mengucapkan syabas kepada pemaju-pemaju yang demikian.

POLITIK WANG - LANGKAH MEMBANTERAS

3. **Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]** minta Perdana Menteri menyatakan keadaan politik wang dalam UMNO dan lain-lain parti. Apakah langkah-langkah yang berkesan yang diambil untuk mencegah masalah ini.

Perdana Menteri [Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab soalan ini bersekali dengan soalan-soalan yang sama yang akan dibangkitkan pada 13.11.96 dan 21.11.96.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

Perdana Menteri: Sebagaimana yang telah dinyatakan berkali-kali dalam Dewan yang mulia ini, politik wang sama ada dalam UMNO ataupun lain-lain parti termasuk parti-parti pembangkang, adalah satu wabak merbahaya yang perlu dibanteras sebelum ianya berkembang dan membinasakan seluruh sistem pentadbiran di negara ini. Parti UMNO khasnya memandang perkembangan ini sebagai satu amalan yang amat serius dari segi implikasinya. Justeru itu UMNO telah mengadakan peraturan-peraturan yang khusus untuk mencegah daripada berleluasa bukan sahaja politik wang, malahan segala jenis rasuah termasuk rasuah kebendaan dan agama. Dalam Perhimpunan Agung UMNO 1996 yang baru lepas, para perwakilan UMNO sebulat suara dan tegas menolak gejala politik wang dalam parti tersebut dan bertekad untuk menghapuskannya. Adalah disarankan supaya langkah-langkah yang serupa perlu juga diambil oleh parti-parti lain supaya usaha penghapusan wabak politik wang ini dapat mencapai keberkesanan yang maksimum.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sebenarnya isu pokok ini baiklah dibangkitkan oleh Dewan sejurus selepas pengkebumian mendiang Tan Sri Dr. Tan Chee Koon yang sangat prihatin kepada isu-isu yang seumpama ini dan saya nampak Yang Amat Berhormat mngambil langkah yang bijak untuk mengemukakan masalah ini di Perhimpunan UMNO dan seterusnya adakah Yang Amat Berhormat

mempunyai cadangan untuk memperluaskan peraturan-peraturan, bukan sahaja di dalam UMNO, bahkan juga di seluruh negara supaya menjadi satu budaya politik di Malaysia, segala jenis rasuah termasuk politik wang tidak dibenarkan dan daripada bangku sekolah sehingga ke universiti pendidikan diberikan kepada semua.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, memang pun kita telah perluaskan tindakan dan dasar untuk mencegah rasuah dalam apa juga bentuk, tetapi kita berpendapat bahawa kalau ada rasuah dalam parti politik maka kesannya lebih buruk daripada rasuah yang berlaku mungkin di kalangan pegawai-pegawai kerajaan. Sebab itu awal-awal lagi UMNO mengambil pendirian yang amat serius terhadap kemungkinan rasuah politik berlaku dalam parti, walaupun kita tidak dapat mengesan secara terang perlakuan ini, tetapi kita mengambil juga tindakan, walaupun maklumatnya tidak begitu mencukupi dan sudah tentu kalau dibawa kepada mahkamah akan ditolak oleh mahkamah kerana tidak mencukupi bukti-bukti bahawa rasuah sudah pun berlaku.

Tetapi bagi UMNO walaupun tidak ada rasuah, kita memandang berat perkara ini dan kita mengambil tindakan. Kalau Ahli Yang Berhormat hendak supaya saya dan Kementerian Dalam Negeri memeriksa parti lawan dan yang lain-lain bukan sahaja berkenaan rasuah wang tetapi rasuah dalam bentuk-bentuk lain, maka kita bersedia akan berbuat demikian.¶

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, saya percaya dan merasa kagum dengan ucapan yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tentang masalah politik wang ini. Adakah Yang Amat Berhormat memikirkan bahawa peraturan-peraturan ketat yang dikenakan di dalam parti khususnya UMNO pada baru-baru ini mencukupi untuk menangani gejala politik wang ini untuk tempoh yang panjang atau adakah pihak kerajaan berfikir bahawa suatu cara lain perlu dibuat supaya masalah ini tidak berpanjangan secara berterusan?

Misalannya dengan mengadakan suatu badan bebas yang boleh mengawal bukan sahaja UMNO tetapi semua parti-parti politik supaya gejala ini tidak menular di masa yang akan datang.¶

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, kita sudah pun mempunyai badan bebas yang mengawasi sebarang jenis rasuah yang berlaku dalam negara dan badan bebas ini juga berhak untuk memeriksa mana-mana parti ataupun

DR. 16. 10.96

pertubuhan di mana rasuah berlaku. Tetapi kita berpendapat bahawa untuk mendapat bukti tentang rasuah sudah pun berlaku ataupun sedang berlaku sukar didapati. Sebab itu, walaupun kita cuba seberapa yang boleh amalan ini sedikit sebanyak akan berlaku juga.

Saya tahu ada sebuah negara di mana mereka yang terlibat dengan rasuah dihukum tembak sampai mati tetapi masih juga ada rasuah.□

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam ucapan beliau dalam Perhimpunan Agung UMNO pun ada menyentuh mengenai menteri-menteri di mana perbelanjaan mereka luar biasa, lebih tinggi daripada remunerasi mereka. Adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri akan membenarkan ACA untuk menyiasat kes-kes semua menteri ini dan akankah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bersetuju mengadakan satu perbahasan khas dua hari dalam Dewan yang mulia ini untuk.....

Beberapa Ahli: Ahh!

Tuan Lim Kit Siang: Untuk menunjukkan bahawa isu politik kewangan dan korupsi yang melibatkan kedudukan jawatan awam dan jawatan public office boleh memberi perhatian yang sewajar oleh Dewan yang tertinggi dalam Dewan yang mulia ini?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya nampak Ahli Yang Berhormat tidak faham ucapan saya. Saya berkata kalau menteri belanja lebih

DR. 16.10.96 ¶

daripada yang diperolehi olehnya, maka ini tentulah bukti bahawa rasuah mungkin telah berlaku tetapi saya tidak menunjuk kepada mana-mana menteri yang membelanja lebih dari pendapatannya. Sepertimana kita tahu di Malaysia ini kerap kali apabila menteri bersara, mereka menjadi papa kedana, cari duit, tak ada duit yang banyak seperti yang berlaku di setengah-setengah negara di mana rasuah menjadijadi. Selagi UMNO dan Barisan Nasional memerintah, saya percaya kita tidak akan dapat menteri yang apabila bersara menjadi orang yang kaya, tetapi parti lawan memerintah, saya tak boleh jaminlah Tuan Yang di-Pertua. [*Tepuk*]¶

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Tuan Yang diPertua, soalan tambahan. Saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di atas keseriusannya di dalam membanteraskan politik wang. Soalan saya agak spesifik. Apakah Yang Amat Berhormat berhasrat untuk menghapuskan politik wang ini juga dalam setiap kali pilihan raya yang akan diadakan, kalau berhasrat bagaimana caranya? Dan soalan yang kedua, berkenaan masalah¶

Tuan Yang di-Pertua: Satu sahaja Yang Berhormat.¶

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Tuan Yang diPertua, terima kasih.¶

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, memang pun kita berhasrat untuk menghapuskan politik wang dalam pilihan raya. Tetapi kita dapati ¶

DR. 16. 10.96 □ ¶

bahawa semua parti membelanja wang yang banyak dalam pilihan raya yang setengah meminta duit daripada orang ramai [Tepuk] dengan tidak pernah mengadakan sedikit pun akaun [Tepuk] untuk menunjuk kepada orang ramai di mana pergi duit itu. Itu pun satu jenis rasuah [Tepuk] dan kita akan awasi amalan ini dalam pilihan raya yang akan datang sama ada pungutan itu dibuat atas nama agama ataupun lain-lain, semuanya kita akan awasi. [Tepuk] ¶

STANDARD BUKTI PENDAKWAAN - HASIL KAJIAN

4. **Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang [Marang]** minta Perdana Menteri menyatakan apakah hasil kajian terhadap kesan peraturan baru Mahkamah Persekutuan berhubung standard bukti untuk pendakwaan, ¶

- (a) dari sudut manakah ianya membebankan pihak polis; dan ¶
- (b) apakah bentuk pindaan yang akan dibuat terhadap Kanun Acara Jenayah. ¶

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, masa ini kajian oleh Jabatan Peguam Negara terhadap kesan peraturan baru Mahkamah Persekutuan berhubung dengan standard bukti untuk pendakwaan masih belum selesai. Oleh yang demikian, belum dapat diputuskan dari sudut mana ia membebankan pihak polis. Bentuk pindaan yang akan dibuat terhadap Kanun Acara Jenayah hanya boleh ditentukan sebaik sahaja kajian mengenainya selesai. Buat masa ini pihak pendakwaan mematuhi standard beban pembuktian yang telah ditetapkan oleh Mahkamah Persekutuan.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memandangkan bahawa semua kes-kes di Mahkamah Tinggi yang terbabit dalam standard bukti untuk pendakwaan, dengan izin, 'beyond reasonable doubt' yang baru diputuskan oleh Mahkamah Persekutuan sebanyak 400 kes telah ditangguh kerana kajian yang dibuat oleh pihak Jabatan Peguam Negara. Bukankah ini menunjukkan satu yang sangat tidak adil kepada mereka kerana mereka tidak boleh menikmati faedah daripada keputusan Mahkamah Persekutuan bahawa kes mereka patut dibicarakan di bawah standard approved beyond reasonable doubt.

Dan memandangkan keadaan begini, adakah pihak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri akan mengarahkan bahawa 400 kes ini dibenarkan berjalan seperti biasa dan bukan ditangguh sehingga pindaan dibuat?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan bertanggungjawab

bukan sahaja kepada mereka yang dituduh tetapi mereka yang menjadi mangsa kepada mereka yang dituduh. Kalau kita membuat sesuatu yang akan menyebabkan penjenayah terlepas semata-mata kerana soal teknikal, maka ini adalah satu ketidakadilan kepada mereka yang menjadi mangsa kepada orang yang melakukan jenayah ini.

Sebab itu, dalam perkara ini kerajaan perlu berhati-hati dan mengambil masa sedikit untuk menentukan keadilan berlaku kepada semua pihak. Kalau

benar-benar orang yang dituduh ini ianya tidak bersalah, saya yakin mahkamah akan mendapati ianya tidak bersalah. Tetapi kalau kerana soal teknikal ini dibangkitkan dan orang yang salah, yang seluruh dunia tahu kata dia salah tetapi dilepaskan kerana kesilapan sedikit dari segi teknikal, ini adalah satu ketidakadilan yang tidak harus berlaku dalam sistem perundangan negara kita. ¶

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bagaimana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri boleh kata orang yang seluruh dunia tahu dia bersalah tetapi oleh kerana teknikal sahaja mungkin dia boleh bebas apabila satu perbicaraan pun belum diadakan atau satu rayuan pun tidak diadakan bukankah itu adalah satu kenyataan yang tidak adil?

Dalam kes di mana kamar Jabatan Peguam Negara dalam mengkaji perkara ini akankah kamar Peguam Negara akan membincang atau menjemput Majlis Peguam untuk bersama-sama berunding, berbincang dan mengkaji perkara ini sebelum satu keputusan disampaikan. ¶

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, yang sebenarnya ialah Ahli Yang Berhormat yang membuat kenyataan yang tidak adil. Kerana tidak langsung mahu menentukan bahawa keadilan berlaku. Ahli Yang Berhormat lebih berminat untuk melihat sesuatu penjenayah dilepaskan semata-mata kerana perkara teknikal ataupun kerana siasatan belum dapat dibuat. Di negara-negara lain juga sudah ada peraturan-peraturan yang membenarkan prima facie evidence itu diterima dalam mahkamah pertama sebelum ianya dibicarakan. ¶

Kalau ini tidak adil, maka banyaklah negara dalam dunia ini termasuklah juga di Great Britain yang mempunyai sistem yang tidak adil.

Berkenaan dengan membincang dengan Majlis Peguam, kita ingin berbincang dengan Majlis Peguam, tetapi Majlis Peguam, minta maaf kalau saya kata tadi, lebih merupakan parti lawan daripada Majlis Peguam. [*Tepuk*] Tidak ada sesuatu yang dibuat oleh kerajaan yang didapati betul oleh Majlis Peguam. Kadang-kadang kita berpendapat lebih baiklah kalau Majlis Peguam menubuhkan parti politik dan bertanding supaya dapat masuk dalam Dewan [*Tepuk*] dan berhujah di dalam Dewan ini. Tetapi mereka berselindung dengan satu badan profesional dan menggunakannya di seluruh dunia untuk memburukkan negara sendiri.

PENYAKIT BERJANGKIT - PENYELEWENGAN LAPORAN PERUBATAN PEKERJA ASING

5. **Dr. Ramli bin Taib [Kemaman]** minta Menteri Kesihatan menyatakan:-

- (a) adakah benar terdapat penyelewengan di dalam laporan perubatan yang dijalankan terhadap pekerja-pekerja asing oleh badan-badan tertentu. Jika benar, apakah langkah yang telah diambil untuk mengatasi masalah ini; dan
- (b) sebutkan jenis penyakit berjangkit yang dikesan meningkat peratusannya dan nyatakan bilangan pendatang-pendatang asing yang dikesan mengidap penyakit ini dan apakah langkah-langkah yang berkesan yang telah diambil untuk mengatasinya.

Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji

Sulaiman]: Tuan Yang di-Pertua, saya akan hanya menjawab soalan (a) kerana soalan (b) telahpun saya jawab pada hari semalam.

- (a) Pada masa kini, Kementerian Kesihatan tidak dapat memastikan bilangan klinik dan makmal perubatan tidak bertauliah yang terlibat dalam penyelewengan pemeriksaan perubatan pendatang asing. Untuk mengatasi masalah ini, Kementerian Kesihatan sedang dalam proses mewujudkan satu mekanisme pengawasan dan penyeliaan pemeriksaan perubatan pekerja asing. Mekanisme ini akan dilaksanakan oleh satu konsortium swasta dan dengan adanya mekanisme ini, maka segala maklumat, bukan sahaja tentang pekerja asing, tetapi juga mengenai klinik-klinik, makmal serta pusat x-ray dapat diperolehi dengan cepat.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sebelum itu, saya hendak ucapkan tahniah kerana menang menjadi Ketua Pergerakan Wanita Malaysia. *[Tepuk]* Kena pada tempatnya.

Tuan Yang di-Pertua, laporan kedokteran, selalunya pendatang-pendatang asing yang datang ke Malaysia ini, pihak imigresen memerlukan laporan doktor daripada negeri asal mereka. Tetapi kita tahu negeri asal itu kadang-kadang kelim-kabut. Hendak sebut nama negeri tak bolehlah fasal kita

ini negara yang baik, jadi tak usah sebut negeri itu. Tetapi kewibawaan doktor-doktor di sana itu tidak boleh kita ambil.

Jadi, kenapakah pihak kerajaan tidak memastikan bahawa pemeriksaan doktor itu dibuat di Malaysia untuk mengesahkan bahawa pendatang-pendatang tersebut bebas daripada segala penyakit? Itulah soalnya, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, sementara menunggu satu mekanisme yang lebih komprehensif digunakan buat sementara waktu, untuk mengatasi masalah pesakit di kalangan pekerja-pekerja asing ini ialah mereka haruslah menjalankan pemeriksaan di klinik atau hospital yang dilantik atau sudah diiktiraf oleh kerajaan kita di negara asal mereka. Hanya surat kesihatan ataupun certificate kesihatan yang dapat mereka tunjukkan kepada pihak imigresen yang sudah pun disahkan oleh pihak Kementerian Kesihatan yang membuat lawatan dan penilaian ke atas klinik-klinik dan pusat-pusat kesihatan di negara asal mereka, sama ada di mana-mana mereka datang.

Jadi, selain daripada itu, seperti yang telah saya katakan bahawa langkah untuk terus mengelak dan menyekat perkara ini ialah dengan cara memperbaiki pengawasan dan pengesanan iaitu satu mekanisme penyeliaan pemeriksaan perubatan pekerja asing, the point of entry untuk semua pekerja, bukan setakat random sampling seperti yang kita lakukan sekarang, walaupun mereka

telahpun mendapat certificate kesihatan yang telah pun diiktiraf oleh kerajaan kita di negara asal mereka.

Tuan Kamarudin bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan bahawa pekerja-pekerja asing ini telah begitu banyak di negara ini iaitu sejuta lebih, sudah tentu ada ramai yang mempunyai penyakit. Jadi, jika sekiranya pekerja asing ini mempunyai penyakit yang berjangkit, adakah pihak Kementerian Kesihatan bercadang untuk mengarahkan semua klinik di negara ini memaklumkan kepada petugas-petugas khas pendatang asing ini supaya pekerja ini dapat dihantar balik dengan segera supaya tidak menjangkiti pekerja-pekerja lain dan juga warganegara di negara ini?

Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, buat setakat ini, pesakit yang sedang diberi perkhidmatan rawatan oleh pihak Kementerian Kesihatan adalah dalam kawalan. Jadi, hanya mereka yang dianggap mempunyai penyakit yang kritikal dan luar biasa yang tidak terdapat di negara ini akan dilakukan sedemikian.

LETRIK DI SABAH (TAWAU) - MENANGANI MASALAH GANGGUAN BEKALAN

6. **Puan Chua Soon Bui [Tawau]** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan:-

- (a) bilangan kes pengaduan mengenai gangguan dalam bekalan elektrik di Tawau bagi tempoh Mac 1996 - September 1996; dan
- (b) apakah tindakan yang berkesan telah diambil untuk menangani masalah (a) yang lama berterusan; setakat mana

tindakan dalam (b) didapati berkesan; dan apakah punca masalah yang sebenar.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos [Dato' Chan Kong

Choy]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Bilangan kes pengaduan mengenai gangguan dalam bekalan elektrik di Tawau bagi tempoh Mac hingga September tahun ini adalah berjumlah 420 kes.

Pada umumnya, gangguan bekalan elektrik di Tawau adalah berpunca daripada masalah teknikal seperti fuis terputus pada sistem pembahagian, kabel elektrik ditimpa pokok, penyuap terpelantik, penyelenggaraan berjadual, catuan bekalan dan masalah dalam pendawaian elektrik di premis-premis pengguna.

- (b) Tindakan yang sedang dan akan diambil bagi mengatasi masalah gangguan bekalan elektrik itu adalah seperti berikut:-
- (i) membersihkan laluan talian atas 11kv yang tertumpu di kawasan sepanjang 80 kilometer di Tawau;
 - (ii) melaksanakan beberapa projek bagi menambah bilangan penjual dan juga projek bagi meningkatkan keupayaan penyuap-penyuap yang sedia ada;
 - (iii) melaksanakan projek penghantaran 33 kv; dan

- (iv) memperkukuhkan keupayaan penjanaan melalui pemasangan oleh LLS, logi, aeroderivative berkapasiti 20 megawatt yang telah disiapkan pada tahun 1995 dan pelaksanaan projek IPP Tawau yang akan membekalkan tenaga elektrik sebanyak 36 megawatt. Projek IPP ini dijangka siap pada bulan November tahun ini juga.

Tindakan (i) hingga (iii) di atas adalah tidak berapa berkesan sebab masalah utama yang dihadapi di Tawau pada masa sekarang ialah kekurangan kapasiti penjanaan. Kekurangannya adalah sebanyak 10.6 megawatt.

Masalah ini akan diatasi melalui peningkatan kapasiti penjanaan dengan terlaksananya Projek IPP Tawau 36 megawatt yang akan disiapkan pada bulan November tahun ini juga. Adalah dijangka dengan siapnya Projek IPP ini, masalah gangguan elektrik di Tawau akan dikurangkan.

Dr. Maximus Johnity Ongkili: Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan kepada jawapan tadi dan juga masalah gangguan elektrik dan kekurangan kuasa elektrik, bukan sahaja di kawasan seperti Tawau, tetapi di seluruh negeri Sabah, maka baru-baru ini Ketua Menteri Sabah telah mengatakan bahawa dalam 2 tahun, negeri Sabah akan menghadapi surplus power - kelebihan kuasa elektrik.

Soalan kita ialah, apakah langkah-langkah yang akan dibuat oleh kerajaan supaya matlamat ini tercapai dan apakah jadualnya dalam 6 bulan dan 12 bulan dari sekarang supaya matlamat dan janji ini bukan sekadar janji. Apakah ulasan pihak kementerian?

Dato' Chan Kong Choy: Tuan Yang di-Pertua, kementerian memang sedar bahawa masalah gangguan bekalan elektrik masih berlaku di beberapa tempat di negeri Sabah. Misalnya di Sandakan, masih kurang kapasiti sebanyak 2 megawat, Lahad Datu 3 megawat, Kudat 0.5 megawat dan di seluruh Pantai Barat kekurangannya sebanyak 43 megawat.

Untuk mengatasi masalah ini yang berpunca daripada kekurangan kapasiti penjanaan, kementerian melalui LLS memang ada rancangan untuk melaksanakan dan sudah melaksanakan beberapa projek untuk meningkatkan keupayaan penjanaan di beberapa tempat yang saya sebutkan tadi.

Mengenai jadual pelaksanaan projek-projek yang berkenaan, saya akan memberi satu jawapan secara bertulis terperinci kepada Ahli Yang Berhormat.

Tuan Yunof Edward Maringking: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berdasarkan jawapan timbalan menteri tadi memang banyak gangguan elektrik bukan sahaja di Tawau tetapi di seluruh Sabah. Soalan saya, adakah benar bahawa satu daripada sebab gangguan itu atau kekurangan bekalan elektrik di Sabah itu ialah generator ataupun spare part generator yang dihantar ke Sabah itu adalah generator lama, sama ada yang telah lama

digunakan di Semenanjung dan dihantar ke Sabah dan tidak pula berkongsi sesudah disampaikan di situ dan demikian juga yang diimport daripada luar negara pun secondhand yang tidak boleh diguna pakai. Jadi, adakah ini betul?

Dan adakah benar bahawa kelewatan mengatasi masalah ini oleh LLS ialah kerana kekurangan wang oleh pihak Lembaga Letrik Sabah memandangkan pihak Kerajaan Persekutuan belum pun menjelaskan wang ataupun hutangnya kepada LLS yang seharusnya dibayar lebih daripada 10 tahun yang lalu?

Dato' Chan Kong Choy: Tuan Yang di-Pertua, tidak benar. *[Ketawa]*

BANTUAN KEPADA KERAJAAN BOSNIA-HERZEGOVINA

7. **Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah [Tambun]** minta Menteri Luar Negeri menerangkan tentang sikap Malaysia terhadap Kerajaan Bosnia di bawah kepimpinan Presiden Alija Izetbegovic yang perlu menyatukan sektor Islam, Serb dan Croat Bosnia mengikut perjanjian damai Dayton 1995 dalam tempoh dua tahun kepimpinannya:-

- (a) adakah Malaysia akan membantu Alija Izetbegovic dengan kepakaran Malaysia dalam memerintah negara berbilang kaum dan agama agar ketegangan nasionalis yang boleh mencetuskan peperangan semula, tidak menular di kalangan penduduk Bosnia; dan
- (b) adakah Malaysia akan menawarkan sebarang jenis bantuan lain yang difikirkan perlu untuk meningkatkan taraf ekonomi penduduk Bosnia.

Timbalan Menteri Luar Negeri [Datuk Dr. Leo Michael Toyad]:

Tuan Yang di-Pertua, penglibatan negara kita Malaysia memberi sokongan sepenuhnya dan bantuan kepada Kerajaan Bosnia-Herzegovina disanjung tinggi

oleh kerajaan tersebut dan juga masyarakat antarabangsa. Selepas pilihan raya baru-baru ini Malaysia masih meneruskan penyertaannya dalam pembinaan semula ekonomi Bosnia-Herzegovina.

Tidak dapat dinafikan bahawa bantuan dua hala yang telah disumbangkan oleh Malaysia dan juga bantuan-bantuan dari negara-negara lain dianggap penting untuk meningkatkan keyakinan dan kestabilan ekonomi Bosnia-Herzegovina. Sumbangan dan sokongan dari negara-negara ini telah membuka jalan kepada sektor swasta untuk menceburi dalam kegiatan ekonomi di negara tersebut. Sekarang adalah terpulang kepada pelabur-pelabur asing dan juga pelabur-pelabur dari negara kita Malaysia untuk menyertai dalam memulihkan industri, membina semula prasarana, membaik pulih sistem komunikasi dan pembangunan ekonomi urus niaga negara tersebut. Ini adalah penting kerana dengan keteguhan ekonomi rakyat Bosnia-Herzegovina akan dapat terus maju dan berdikari dengan lebih cepat lagi.

Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Antara sebab bantuan luar diberi adalah atas faktor kemanusiaan serta faktor ekonomi. Dari segi faktor ekonomi, kita dalam proses untuk memperluaskan pasaran serta pelaburan global. Di dalam kenyataan Perdana Menteri Bosnia baru-baru ini kerajaan tersebut memerlukan US\$7 bilion untuk membangunkan negara itu dan Malaysia sehingga ini telah pun menyumbang sebanyak US\$12 juta. Soalannya, tidakkah begitu tinggi kos

untuk kita membantu Bosnia-Herzegovina berbanding dengan faedah akan kita perolehi serta risiko politik yang kita hadapi?

Datuk Dr. Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyatakan penglibatan kita dalam wilayah ini dahulu adalah atas prinsip negara kita yang tidak mahu melihat mana-mana negara di dunia ini di mana keadilan tidak terjamin; di mana sebuah negara yang boleh dikatakan cuba menakluk negara-negara yang tidak berupaya; dan di mana keadaan itu bercanggah dengan prinsip kemanusiaan, sebab itulah kita terlibat dalam langkah pertama untuk menegakkan keadilan (justice) dalam prinsip di peringkat antarabangsa. Usaha kita ini untuk mengambil bahagian dalam pembangunan ekonomi negara itu adalah atas usaha berterusan dan dengan kemampuan kita; akan tetapi kita tidak pernah menjaminkan bahawa kita akan terus memberikan sokongan sepenuhnya dalam pembangunan itu tetapi sedaya upaya kita, dan selama ini juga kita telah memberi sokongan dari segi melaksanakan kedamaian dalam I-FOR.

Malaysia juga telah menyumbangkan US\$12 juta dengan tujuan untuk memulihkan keadaan infrastruktur yang perlu dipulihkan dengan serta-merta seperti electricity atau komunikasinya yang menjadi asas kerana dalam peperangan itu banyaknya telah dimusnahkan hingga negara itu tidak dapat bergerak langsung. Itulah sebenarnya tujuan kita memberikan sumbangan itu

dan seterusnya juga kita menyeru kepada pihak swasta yang dapat memberi sumbangan dan mendapatkan keuntungan secara investment di negara itu.

SIJIL PENDIDIKAN KE TARAF DIPLOMA PENDIDIKAN - PERATURAN BAGI GURU

8. **Tuan Robert Lau Hoi Chew [Sibu]** minta Menteri Pendidikan menyatakan peraturan-peraturan dan keperluan-keperluan bagi guru-guru yang sedia ada mempunyai sijil pendidikan untuk dinaikkan ke taraf Diploma Pendidikan Malaysia.

Timbalan Menteri Pendidikan [Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, selaras dengan usaha-usaha untuk mempertingkatkan kelayakan guru-guru kepada tahap diploma, Kementerian Pendidikan memang mempunyai hasrat untuk memberikan peluang kepada guru-guru yang mempunyai sijil perguruan untuk ditingkatkan ke taraf Diploma Perguruan Malaysia. Tatacara mengenai pelaksanaan ini telah pun dikemukakan kepada Jabatan Perkhidmatan Awam untuk dibawa ke mesyuarat jemaah menteri bagi mendapatkan keputusan.

Tuan Robert Lau Hoi Chew: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tanya jumlah guru yang terlibat dalam program ini dan berapa lama program ini akan dapat diselesaikan?

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, jumlah guru yang memegang sijil perguruan dan layak untuk ditingkatkan ke taraf diploma ini adalah seramai 169,906 orang dan kita cuma boleh berbuat sesuatu apabila kabinet telah memutuskannya.

KAD PENGENALAN PALSU DI SABAH - BILANGAN TAHANAN YANG TERLIBAT

9. **Datuk Joseph Pairin Kitingan [Keningau]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan berapa banyak sudah orang tahanan ISA dari Sabah yang masih dalam tahanan kerana terlibat dengan pengeluaran kad pengenalan palsu, berapa banyak yang sudah dibebaskan dan bilakah tindakan mahkamah akan dikenakan kepa mereka yang masih dalam tahanan.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Tuan Ong Ka Ting]: Tuan Yang di-Pertua, sejak operasi membanteras kegiatan sindiket yang terlibat dalam pengeluaran kad pengenalan palsu dan dokumen palsu yang lain di Sabah mulai bulan Julai 1995 sehingga kini seramai 55 orang telah ditahan untuk siasatan. Dari jumlah tersebut, 4 orang masih di soal siasat, seorang telah pun dibebaskan, sementara 50 orang lagi telah ditahan di bawah seksyen 8(1) Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960. Tahanan-tahanan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 tidak akan dibicara di mahkamah.

Tuan Yunus bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, daripada bilangan 55 orang yang telah ditahan di bawah ISA, saya ingin tahu adakah jumlah bagi kakitangan kerajaan dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional yang telah ditahan dan setakat hari ini berapakah yang telah dibebaskan?

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ada pecahan mengikut gred mereka, saya cuma dapat semua kakitangan kerajaan yang ditahan itu di sini ialah yang masih berada dalam Kem Perlindungan Kamunting ialah 33 orang kakitangan kerajaan dan dalam dua tahun yang

kebelakangan ini iaitu dari tahun 1987 hingga sekarang terdapat sejumlah 46 orang kakitangan kerajaan telah ditahan di bawah ISA, tetapi saya tidak ada breakdown mengikut pangkat mereka.

Datuk Joseph Pairin Kitingan: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya memandangkan bahawa perkara pemalsuan kad pengenalan biru ini adalah satu perkara yang amat serius sekali. Adakah kerajaan bercadang untuk menyediakan satu Kertas Putih (White Paper) supaya dapat diterangkan kepada orang ramai keadaan yang sebenar dan mengapakah tahanan-tahanan ISA ini tidak diambil tindakan di dalam mahkamah?

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan berfikir dengan adanya operasi 'Ops Kena' yang khas untuk mencegah kegiatan sindiket pemalsuan dokumen ini telah pun memadai, tidak perlu sampai mengadakan satu Kertas Putih, kerana daripada siasatan, tangkapan, operasi semua ini adalah mencukupi. Ini cuma merupakan satu jenis kegiatan pemalsuan, tidak ada perkara yang sehingga kita perlu bincang dengan panjang lebar; sebab straight forward mereka ini terlibat dalam pemalsuan ataupun mengeluarkan dokumen secara tidak teratur.

ISA ini adalah merupakan satu tindakan pencegahan, kita hendak cegahkan kegiatan itu daripada menjadi lebih serius, maka tidak perlu kita mengambil masa yang lama sangat untuk bincang di mahkamah, sehingga terdapat banyak masalah teknik seperti yang telah dibangkit oleh Ahli Yang

Berhormat sebentar tadi. Ianya akan menyekat ataupun menjadikan usaha kerajaan hendak menghentikan kegiatan itu daripada mengambil masa yang lama sangat, jadi ianya tidak akan mendatangkan apa-apa faedah kepada orang ramai.

**PEMALSUAN DOKUMEN PINJAMAN BELI KERETA -
BILANGAN KES**

10. **Tuan Wong Kam Hoong [Bayan Baru]** minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) bilangan kes pemalsuan pinjaman kereta yang dilaporkan dalam tahun 1994 dan 1995 dan jumlah amaun yang terlibat:
- (b) analisa tentang kes-kes ini menurut institusi kewangan dan negeri masing-masing dan langkah-langkah Kementerian untuk mencegah kes-kes sedemikian daripada berlaku.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh]: Tuan Yang di-Pertua, bilangan kes pemalsuan pinjaman kereta bagi tahun 1994 dan 1995 serta jumlah amaun yang terlibat adalah seperti berikut:

		<u>Tahun</u>	
Kes	<u>1994</u>	Kes	<u>1995</u>
	Jumlah (RM)		Jumlah (RM)
25	903,362.08	18	821,873.77

- (b) Adalah dijangkakan bahawa bilangan kes pemalsuan pinjaman kereta akan terus berkurangan berikutan dengan langkah-langkah keselamatan tambahan yang telah diambil

oleh syarikat-syarikat kewangan dengan kerjasama Jabatan Pengangkutan Jalan dan Polis DiRaja Malaysia. Antara langkah-langkah itu termasuklah:

- (i) mengemaskan lagi peraturan dalaman bagi meluluskan sesuatu pinjaman kenderaan.
- (ii) syarikat-syarikat kewangan membuat pemeriksaan secara peribadi ke atas kenderaan berkenaan; dan
- (iii) membuat semakan secara berkomputer dengan rekod-rekod yang ada di Jabatan Pengangkutan Jalan dan Jabatan Polis DiRaja Malaysia.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang kita dimaklumkan tiap-tiap pembeli kereta yang ingin meminjam dari sumber kewangan seperti institusi kewangan untuk membeli sesebuah kereta, kereta itu telah didaftar di dalam Jabatan Pengangkutan Jalan. Jadi, bagaimanakah perkara ini boleh berlaku, kalau berlaku pinjaman yang duplicating atau dua kali di atas sebuah kereta yang sama? Adakah pegawai-pegawai dalam JPJ sendiri terlibat ataupun pegawai daripada institusi kewangan itu terlibat, kalau ada berapa ramai mereka yang telah terlibat?

Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Buat masa ini, Tuan Yang di-Pertua, tidak ada bukti bahawa sindiket terlibat. Walau bagaimanapun, pada pandangan kementerian, kalau kita lihat perangkaan pembelian kereta pada

tahun 1995 sahaja berjumlah 285,792 unit dan kesalahan kes pemalsuan pinjaman kereta ini hanyalah 15 kes sahaja, jadi ia merupakan satu perkara yang tidak membimbangkan. Kalau dilihat dari segi penurunan bilangan kes:

<u>Negeri</u>	<u>Tahun</u>	
	<u>1994</u> Jumlah <u>kes</u>	<u>1995</u> Jumlah <u>kes</u>
Kuala Lumpur	5	3
Selangor	6	4
Terengganu	4	1
Melaka	6	5
Sarawak	2	2
Pulau Pinang	1	1

Jadi, langkah-langkah yang diambil adalah efektif dan berkesan.

Tuan Yunof Edward Marinking: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah kementerian sedar bahawa masalah kad pengenalan palsu ini sudah menjalar kepada institusi kewangan dengan menggunakan kad-kad pengenalan palsu? Ada phantom borrowers yang wujud pada kad pengenalan sahaja yang dimiliki oleh orang tempatan, tetapi orang yang meminjam sebenarnya tidak wujud sehingga menyusahkan orang yang benar-benar memiliki kad pengenalan yang dipalsukan itu dan penjenayah itu tidak pula disiasat oleh institusi kewangan yang berkenaan ataupun polis.

Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, aduan-aduan yang diterima oleh pihak Polis DiRaja Malaysia untuk pengetahuan Yang Berhormat ialah tentang pemalsuan dokumentasi pinjaman kereta, misalnya pemalsuan nombor kad pengenalan, nama, alamat palsu dan maklumat palsu berkaitan dengan penjamin. Aduan-aduan kes pemalsuan pinjaman kereta yang diterima oleh pihak Polis DiRaja Malaysia, Bukit Aman adalah melibatkan syarikat kewangan.

PILIHAN RAYA DI SARAWAK - SEBAB PENURUNAN PERATUS PENGUNDI

11. **Cik Sukinam Domo [Batang Sadong]** minta Perdana Menteri menyatakan apakah langkah-langkah dan tindakan yang akan diambil oleh kerajaan untuk mengatasi masalah sambutan dingin terhadap pilihan raya sehingga peratusan yang turun mengundi begitu rendah, seperti di Sarawak pada pilihan raya yang lalu.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan tahniah di atas kemenangan BN di dalam pilihan raya umum negeri Sarawak yang lalu, [*Tepuk*] di mana BN telah menang 57 kerusi daripada 62 kerusi yang dipertandingkan.

Tuan Yang di-Pertua,

- (i) Suruhanjaya Pilihanraya memang prihatin dan memandang berat akan sambutan yang makin menurun dari pemilih-pemilih yang berdaftar untuk keluar mengundi semasa pilihan raya. Bagi mengatasi masalah ini. SPR telah merancang

beberapa program yang bertujuan untuk menggalakkan pemilih-pemilih yang berdaftar keluar mengundi, baik semasa pilihan raya umum mahupun pilihan raya kecil. Salah satu daripada program tersebut ialah meningkatkan lagi aktiviti-aktiviti yang bercorak pendidikan pengundi.

Bagi tujuan menanamkan kesedaran kepada orang ramai akan tanggungjawab mereka dalam negara yang mengamalkan Sistem Pemerintahan Demokrasi Berparlimen melalui pilihan raya, SPR juga sentiasa berusaha untuk meningkatkan lagi perkhidmatan supaya orang ramai dapat mengundi dengan penuh selesa. Di antara tindakan-tindakan yang telah diambil ialah menghadkan jumlah pemilih bagi satu-satu tempat mengundi kepada maksimum 700 orang sahaja. Di samping itu, tindakan juga telah diambil untuk meningkatkan kemahiran di kalangan petugas-petugas pilihan raya seperti kerani pengundian dan kerani penyemak daftar pemilih dan aspek pengendalian pilihan raya.

Bagi kawasan-kawasan pedalaman khususnya di negeri Sarawak, SPR juga telah menghantar pasukan-pasukan pengundian walaupun jumlah pemilih di tempat itu kecil. Ini bertujuan untuk memudahkan orang ramai mengundi. Program-program dan rancangan-rancangan yang dijalankan ini tidak akan

menghasilkan kesan yang baik melaikan orang ramai sendiri perlu sedar dan komited akan peranan dan tanggungjawab mereka sebagai warganegara.

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Setiausaha Parlimen, naik pangkat. Yang mana lebih baik, kurang orang keluar mengundi banyak kerusi menang, dan banyak orang keluar mengundi sedikit kerusi menang? *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, soal itu sangat am, ya. Balik Pulau.

Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya merasakan bahawa peratusan pendaftar yang keluar mengundi menurun bukan disebabkan oleh kerana susahnyanya untuk keluar mengundi. Saya merasakan bahawa sebab utama terjadinya keadaan sedemikian adalah kerana saya rasa sebahagian besar daripada pendaftar dan juga rakyat rasa terasing dari proses politik itu sendiri, daripada proses legislatif di dalam Dewan ini sendiri, mungkin. Jadi, saya ingin bertanya, adakah Jabatan Perdana Menteri misalnya, boleh mengambil langkah-langkah supaya proses politik, proses perundangan, proses yang kita lakukan dalam Dewan ini mendapat liputan yang lebih, supaya rakyat memahami proses itu dengan lebih baik, dan apabila dia tahu apa benda yang kita buat di sini, mungkin dengan hebahan yang lebih daripada media massa dan minat terhadap kepentingan mereka mengambil bahagian dalam pilihan raya akan bertambah.

Dato' Haji Muhamad bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, dalam pilihan raya, memang yang lebih baik ialah kemenangan yang besar menjadi lebih baik. Yang kedua, kita telah melalui beberapa kali pilihan raya sejak tahun 1955 dahulu, sampai sekarang banyak penggal yang telah diadakan pilihan raya. Ramai di antara mereka, pengundi-pengundi yang lama ramai yang tidak ada lagi. Maka yang ramai bagi kita sekarang ialah pengundi-pengundi baru yang bagi kita berpendapat bahawa mereka cukup faham dengan matlamat pilihan raya diadakan. Tetapi oleh kerana mungkin kita merasakan mereka mungkin tidak mengetahui tentang pentingnya pilihan raya ini, bagi pemilih-pemilih yang baru, maka sebab itulah kerajaan bertindak memberikan fahaman.

Bagi Parlimen kita ini memang mendapat liputan yang baik oleh media-media masa dan juga TV. Saya percaya mana-mana mereka yang suka mengikut perkembangan Parlimen memang mereka mengikut. Tetapi ramai di antara mereka yang memang kadangkala, langsung tidak mengikut perkembangan Parlimen itu sendiri.

PEKERJA ASING - TINDAKAN KERAJAAN TERHADAP JENAYAH YANG DILAKUKAN

12. **Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas [Parit]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah tindakan yang kerajaan sedang ambil mengenai pekerja-pekerja asing daripada Bangladesh yang telah dan berkemungkinan melakukan jenayah dan menyebabkan masalah sosial memandangkan mereka hampir kesemuanya yang bekerja adalah terdiri daripada lelaki.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Tuan Ong Ka Ting]: Tuan Yang di-Pertua, masalah yang timbul daripada kedatangan pekerja asing tanpa izin warganegara Bangladesh ini adalah merupakan sebahagian daripada masalah keseluruhan pekerja asing tanpa izin yang berada di Malaysia. Oleh itu, segala usaha untuk mengatasi hendaklah dibuat secara menyeluruh dan bukannya tertumpu kepada pekerja tanpa izin warganegara Bangladesh sahaja. Di antara langkah-langkah untuk mencegah kegiatan jenayah oleh pekerja-pekerja asing daripada Bangladesh adalah seperti berikut:

- (i) mengenal pasti penempatan dan tempat-tempat mereka bekerja untuk memudahkan kawalan ke atas kegiatan-kegiatan harian mereka;
- (ii) menggalakkan majikan beri nasihat kepada mereka mengenai sensitiviti penduduk tempatan khususnya mengenai kebudayaan dan cara hidup masyarakat serta menghormati undang-undang negara di kalangan pekerja-pekerja asing ini.

Kerajaan akan mengambil tindakan tegas kepada mereka yang terlibat dengan kegiatan-kegiatan jenayah dan tidak bermoral, dan pas-pas lawatan sementara pekerja mereka akan dibatalkan dan mereka akan dihantar pulang.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, mungkin Timbalan Menteri mengatakan tadi masalah pendatang ini bukan khusus kepada Bangladesh. Tetapi peristiwa-

peristiwa yang melibatkan maut, rogol dan sebagainya kebanyakannya daripada Bangladesh. Di Sungai Petani, seorang isteri doktor dirogol. Saya difaham dua penuntut mati kerana dirogol dan sebagainya. Jadi, di peringkat bawah rakyat masing-masing berasa bimbang dan ada yang sampai ke tahap mereka sanggup untuk mengambil alih dan menentang. Kita hendak 'rimbuk' puak-puak Bangladesh, mereka kata. Ini cara orang Kedah bercakap. Jadi, adakah pihak kerajaan atau kementerian memastikan bahawa rekod-rekod pendatang-pendatang ini dikaji? Saya ingin tahu dari pihak kementerian, sejauh manakah keselamatan negara kita hari ini, dari segi pendatang ini? Kerana yang datang di Johor, timbul di Kedah. Yang datang di Melaka timbul di Perlis. Jadi, apakah keselamatan negara kita ini terjamin atau tidak? Mungkin ini pendatang haram. Tetapi subversif elemen mungkin ada, penjenayah-penjenayah lain. Jadi, saya minta hendak tahu dari kementerian sejauh manakah keselamatan negara kita pada hari ini, perairan kita dan juga sempadan-sempadan kita pada hari ini?

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, kalau sekiranya ikut statistik official, iaitu kes-kes yang telah dilaporkan kepada pihak polis, angka-angka jenayah yang dilakukan oleh Bangladesh ataupun pendatang tanpa izin ini bukan terlalu tinggi. Misal kata untuk Bangladesh sahaja dalam tahun ini, iaitu Januari hingga Ogos terdapat 7,933 jumlah kes jenayah kekerasan di Malaysia, hanya ada 4 kes sahaja yang melibatkan Bangladesh, iaitu hanya 0.05%. Boleh

dikatakan keadaan keselamatan dari segi jenayah masih terkawal. Kalau hendak kata keselamatan daripada sempadan memang jadi satu masalah pada masa ini. Bukan kata kita tak mampu, tetapi susah untuk kawal dengan 100% kerana perairan sempadan yang begitu panjang dan ada majikan yang tak mahu kerjasama, dia hendak melindungi, hendak mengupah dengan murah dan dengan tak kerjasama dengan kerajaan. Saya rasa ini kita kena bertindak secara bersepadu dengan kesedaran orang-orang kita sendiri lebih berkesan daripada hanya tertumpu kepada usaha polis sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Masa pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut telah selesai.

[Masa untuk pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 13 hingga 35 akan dijilid dalam buku berasingan]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PENYIARAN (PINDAAN) 1996

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, “Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.” [*15hb. Oktober, 1995*]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Tanjong sila sambung.
3.38 ptg.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, apabila kita membaca peruntukan-peruntukan yang saya ada sebut semalam, kita akan mendapat satu gambaran bahawa komunikasi Internet sama ada melalui web page persendirian ataupun corporate, berkemungkinan terletak di bawah kawalan Rang Undang-undang Penyiaran (Pindaan). Memandangkan setiap website boleh dikategorikan sebagai stesen penyiaran, menyiarkan bahan penyiaran, bekas matter yang memerlukan lesen dari Kementerian Penerangan. Tambahan lagi semua kumpulan-kumpulan berita atau news group di atas Internet mungkin juga terjatuh di bawah definisi stesen penyiaran, dan rakyat Malaysia yang menyertai news group ataupun melanggan news group ini mungkin terjatuh di bawah definisi penyiaran ataupun menerima bahan penyiaran dan mungkin terkena hukuman yang berada di dalam bidangkuasa

Rang Undang-undang Penyiaran sekiranya mereka tidak mendapatkan lesen dari Kementerian Penerangan terlebih dahulu.

Hukuman yang terkandung dalam rang undang-undang ini sungguh berat sekali, di mana jumlah penalti boleh setinggi RM10,000 ke RM100,000 serta hukuman penjara selama 3 tahun untuk pelanggaran-pelanggaran yang berlainan.

Adakah ini tujuan Rang Undang-undang Penyiaran (Pindaan) untuk mengawal dan regulat Internet. Mengikut catatan Jaring, kini wujud sekurang-kurangnya 1,167 website rakyat Malaysia. Jumlah yang sebenarnya tentulah lebih tinggi lagi kerana bukannya semua website yang berkaitan dengan Malaysia mendaftar dengan Jaring. Kini di atas Internet juga wujud sekurang-kurangnya 10,000 newsgroup. Sebarang usaha untuk mengawal Internet melalui Rang Undang-undang Penyiaran (Pindaan) ini hanya akan membantutan pertumbuhan Internet yang mana bererti membawa kerosakan yang serius kepada pembangunan teknologi maklumat rakyat Malaysia.

Guru Multimedia dan guru Internet, Nicholas Negroponte dalam bukunya yang masyhur tahun 1995 - Being Digital, telah menegaskan bahawa dengan izin, "while the Internet may be mostly hipe today, it is an understatement about tomorrow. It will exist beyond people's wildest predictions". Beliau percaya bahawa hingga tahun 2005, rakyat Amerika akan meluangkan lebih masa di atas Internet dari menonton televisyen.

Bill Gates, Ketua Microsoft yang mana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri cuba menarik penyertaannya ke Multimedia Super Corridor pernah berkata, dengan izin, “like the PC, the Internet is a tidal wave, it will wash over the computer industry and many others, drowning those who don't learn to swim in its waves”. Kita harus mengingati tentang perubahan revolusioner di dalam zaman digital ini yang diilhamkan oleh kemajuan yang pantas dan penumpuan (convergence) teknologi komputer dan telekomunikasi. Setiap dua tahun, kuasa komputer bertambah satu kali ganda sementara harganya pula menurun dengan kadar yang sama.

Era digital adalah mengenai convergence. Garis di antara apa itu hiburan dan apa itu berita, antara apa itu syarikat software dan apa itu syarikat hiburan, antara apa itu pendidikan dan apa itu hiburan, semuanya telah menjadi kabur dan tidak tentu. Telefon, set televisyen dan set komputer peribadi, devices-devices yang sehingga baru-baru ini masih dapat dibezakan, kini telah saling berinteraksi. Tidak lama lagi mereka akan dapat menawarkan lebih banyak fungsi yang serupa dan akhirnya menjadi tidak dapat dibezakan begitu sahaja lagi.

Internet merupakan manifestasi pertama yang penting dalam era baru ini iaitu era digital, satu era di mana teknologi sering menjadi usang sebelum orang ramai tahu bagaimana untuk menggunakannya dengan baik dan kuasa teknologi kini adalah bertambah secara exponential dan bukan lagi secara linear seperti

dahulu. Sebagai contoh, dalam masa 10 tahun lagi Internet yang ada pada hari ini tentu akan kelihatan sungguh asas (basic) sebagaimana komputer peribadi (PC) yang pertama kelihatan pada hari ini.

Memandangkan Internet akan semakin menjadi alat penyebaran program-program radio dan televisyen, adakah Rang Undang-undang Penyiaran ini bermaksud untuk mengawal dan menyekat Internet. Sekiranya Rang Undang-undang Penyiaran ini tidak berniat untuk mengawal dan membantutkan pertumbuhan Internet di Malaysia, maka Yang Berhormat Menteri Penerangan seharusnya membuat satu kenyataan dasar yang jelas atas isu ini dan memansuhkan satu provisi jelas ke dalam rang undang-undang ini supaya mengasingkan (exclude) Internet dari skop Akta Penyiaran (Pindaan). Untuk pertama kalinya ramai orang kini telah mula mendapat akses ke teknologi yang lebih baik di rumah-rumah mereka sendiri dan bukannya dari tempat kerja ataupun kelas-kelas belajar seperti masa dahulu.

Memang tidak dapat dinafikan bahawa wujud juga bahaya yang serius di mana satu pembahagian yang baru mungkin muncul di antara kelas yang kaya maklumat dengan yang miskin maklumat. Dalam tahun 1995 Dr. Pekka Tarjanne, Setiausaha Agung ITU (International Telecommunications Union) ada menyatakan bahawa, dengan izin, "Internet advocates boast of having direct connectivity with some 96 economies world wide and indirect connections with a further 77. But this does not make up for the fact that fully 97% of Internet

users are based in the high income countries which account for just 15% of the world's population.”

Malaysia mesti mengelakkan dari terjatuh ke dalam kesulitan 2 kali ganda pembahagian maklumat kaya dan maklumat miskin seperti ini dengan memastikan bahawa negara kita tidak akan terjatuh di bawah kategori negara maklumat miskin serta juga memastikan bahawa akses Teknologi Maklumat untuk semua rakyat Malaysia adalah universal dan portable, mampu ditanggung oleh semua supaya tidak wujudnya pembahagian kaya maklumat dan miskin maklumat di negara kita sendiri. Maka adalah penting sekali supaya kerajaan memperkenalkan langkah-langkah untuk memastikan bahawa komputer di rumah rakyat tidak dianggap sebagai barang-barang mewah tetapi merupakan sebahagian daripada peralatan proses pendidikan. Kerajaan harus melancarkan satu kempen di seluruh negara untuk mempromosikan penggunaan Internet di kalangan rakyat Malaysia dan bukannya membantutkan pertumbuhannya. Di dalam era digital ini rakyat Malaysia mestilah menjadi pelajar sepanjang hayat, dengan izin, life long learners, sekiranya kita tidak mahu menjadi orang yang gagal sepanjang hayat - life long learners, kalau kita tidak mahu menjadi life long losers

Sehubungan dengan itu, Utusan Malaysia harus dipuji kerana telah melancarkan kempen “Sebuah Komputer Setiap Rumah” dan usaha ini harus dicontohi oleh lain-lain akhbar tempatan juga. Mengikut anggaran konservatif,

sehingga ke akhir abad ini, rangkaian yang disambung ke Internet akan mencapai lebih daripada 1 juta unit dan mungkin lebih dari 100,000,000 orang yang menggunakannya. Trafik di rangkaian ini akan melebihi trafik telefon. Tidak pernah wujud sebarang teknologi atau inovatif di dalam sejarah manusia yang boleh dibanding dengan perkembangan ini, sama ada dari segi tahap kelajuan penerimaan (significant) ataupun kesan.

Penyelidikan Nielson di U.S.menganggarkan bahawa 1 dari 5 orang di Amerika Syarikat kini mempunyai akses ke Internet. Rakyat Malaysia harus membentuk satu sasaran untuk mencapai target 1 di antara 10 orang akan mendapat akses ke Internet menjelang tahun 2000. Sekiranya Malaysia ingin melangkah besar (quantum leap) ke era Teknologi Maklumat maka rakyat kita mesti juga membuat suatu quantum leap dalam segi penggunaan Internet.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa orang Ahli Parlimen Barisan Nasional telah melafazkan kekhuatiran mereka mengenai imperialisme budaya dunia Barat dalam era Teknologi Maklumat dan keperluan memelihara dan mempromosikan budaya serta nilai Malaysia untuk mengelakkan dari ditelan dan dimusnahkan oleh nilai-nilai Barat. Perasaan begini memanglah legitimate, tetapi ini juga merupakan salah satu dari sebab yang diberikan oleh seorang Ahli Parlimen Barisan Nasional yang melahirkan rasa bangganya kerana Malaysia kini memiliki satelit kita sendiri iaitu Measat tanpa menyedari bahawa apa yang paling penting dalam era Teknologi Maklumat adalah kandungan

(content) dan bukan pemilikan. Sementara rakyat Malaysia berbangga dengan satelit kita sendiri, kita tentu akan merasa lebih bangga lagi sekiranya saluran-saluran radio dan televisyen yang ditawarkan oleh Astro ini -yang haram, yang tidak patut diadakan sekarang dan tidak boleh terima wang adalah saluran-saluran keluaran Malaysia yang baharu.

Di dalam iklan-iklannya, Astro mendakwa bahawa ia menawarkan 8 muka pullout [*sambil membaca akhbar*] ‘Dunia aneka pilihan dengan lebih daripada 30 saluran televisyen dan radio, Terus-kepada-Anda.’ Dan inilah apa yang dicatatkan:

“Inginkah lebih pilihan Astro, penyiar eksklusif, perkhidmatan penyiaran satelit digital Terus-kepada-Anda (DTU) di Malaysia, membawa anda lebih daripada 30 pilihan saluran televisyen dan radio yang hebat, hiburan sepanjang waktu dengan saluran berbahasa Melayu sepenuhnya yang pertama di negara kita, saluran hiburan berbahasa Cina, saluran filem-filem India, saluran bertaraf antarabangsa yang menampilkan filem-filem sukan, dokumentari, berita, kartun dan hiburan untuk seisi bahan keluarga.”

Tuan Yang di-Pertua, pemeriksaan yang selanjutnya menunjukkan bahawa selain daripada RTM1 dan RTM2, yang juga akan dipancarkan terus

kepada anda dengan kualiti gambar dan bunyi yang lebih cemerlang, kandungan tempatan sungguh minimum sekali.

Satu-satunya saluran yang menonjolkan sedikit kandungan tempatan adalah apa yang digelar sebagai RIA - R-I-A. Dan sungguhpun saluran ini akan mengemukakan drama-drama terbitan tempatan, game shows dan filem-filem terbitan Malaysia, ia akan mengemukakan juga filem lain aneka hiburan, rancangan muzika, siri-siri popular dan drama dari Singapura, Indonesia dan seluruh dunia dalam saluran RIA itu. Dan saya tidak akan merasa terperanjat sekiranya kandungan Malaysia (Malaysian content) dalam saluran RIA ini hanya dapat kedudukan minoriti. Bermakna 'all Malay local content' maka adalah sah dan wajar untuk bertanya tentang bagaimanakah penyiaran satelit Malaysia sendiri ini dapat mempromosikan nilai-nilai sosial dan budaya Malaysia ataupun sama ada ia hanya menyebarkan nilai-nilai Barat, kita memiliki tetapi content dari mana?

Tidak lama lagi dengan adanya penyiaran satelit, beratus-ratus saluran akan dapat dicapai, sebagai contoh Astro kini merancang untuk membuka sebanyak lebih daripada 100 saluran baru menjelang tahun 1998, sungguhpun ia tidak membangkitkan tentang rancangan untuk memastikan bahawa kandungan tempatan akan menjadi signifikan di dalam saluran-saluran radio dan TV Astro.

Satu cara untuk memastikan bahawa nilai-nilai sosial dan budaya Malaysia akan diwakili di dalam lebuhraya maklumat Malaysia adalah dengan

membatalkan kawal selia ke atas penyiaran atau deregulation broadcasting dan liberalisation broadcasting dan membenarkan penubuhan stesen-stesen penyiaran swasta supaya suara, idea, cerita dan artis Malaysia akan hadir di lebuhraya ini secara nyata. Aset paling besar bagi Malaysia adalah kepelbagaian kaum, bahasa, budaya dan agama kita dan tidak ada apa-apa sebab mengapa kita tidak boleh membatalkan kawal selia ke atas dasar penyiaran ialah kenapa kita tidak boleh deregulate broadcasting dan mengadakan liberalisation broadcasting untuk membolehkan saluran-saluran radio dan televisyen menggambarkan kepelbagaian bahasa, budaya dan agama yang kaya di negara ini.

Semalam, Ahli Yang Berhormat dari Sri Aman menyeru supaya RTM menggunakan lebih banyak bahasa Iban di atas saluran-saluran RTM. DAP menyokong seruan sedemikian dengan sepenuhnya dan Kementerian Penerangan harus membentuk satu kumpulan tugas khas untuk menggariskan *blueprint* untuk menjadikan penyiaran dalam bahasa Iban di radio dan televisyen lebih bermakna dan signifikan dari keadaan sekarang. Malah saya akan membuat cadangan supaya satu stesen penyiaran swasta dibenarkan supaya bahasa Iban digunakan sebagai salah satu dari bahasa pengantar penyiaran yang utama.

Sama juga kepelbagaian agama di Malaysia, seperti Buddhist, Kristian, Hindu dan Sikh harus dibenarkan untuk memiliki stesen-stesen radio sendiri

ataupun adakah diadakan satu stesen bersama yang selaras dengan prinsip Rukun Negara untuk mencipta bangsa Malaysia yang 'Kepercayaan kepada Tuhan'. Ini sungguh sesuai sekali memandangkan kerajaan enggan memperuntukkan masa yang sesuai dan secukupnya untuk rancangan-rancangan agama selain dari rancangan Islam sungguhpun prinsip Rukun Negara yang pertama adalah 'Kepercayaan kepada Tuhan'.

Kerajaan-kerajaan negeri juga harus dibenarkan untuk menubuh stesen-stesen mereka sendiri. Saya tidak faham mengapa Kerajaan Negeri Sabah tidak boleh mengadakan stesen penyiaran sendiri ataupun Kerajaan Negeri Kelantan. Sungguhpun saya sendiri bukanlah 'spokesman' untuk Kerajaan Negeri PAS di Kelantan dan saya memegang pendapat yang sungguh jauh berbeza dari mereka khususnya dalam isu perundangan hukum Hudud.

Malah universiti-universiti yang berhajat berbuat demikian juga harus dibenarkan untuk memiliki stesen-stesen penyiaran mereka sendiri. Pembatalan atau deregulation dan liberalisation broadcasting untuk membenarkan kewujudan stesen-stesen penyiaran swasta mungkin kelihatan satu cadangan yang berani, tetapi bagaimanakah pula kerajaan hendak menjustifikasikan keenganannya untuk membenarkan penubuhan stesen-stesen penyiaran swasta sementara beratus-ratus saluran penyiaran akan dibuka kepada rakyat Malaysia dan majoriti dari saluran-saluran ini adalah jelas dari dunia Barat.

Semalam Ahli Yang Berhormat dari Sri Aman pun mencadangkan supaya dimansuhkan bayaran yuran televisyen, lesen televisyen. Saya menyokong cadangan bahawa yuran-yuran lesen televisyen harus dimansuhkan memandangkan kini Astro juga memancarkan RTM1 dan RTM2.

Apabila beliau berada di Sarawak pada bulan Februari tahun ini Yang Berhormat Menteri Penerangan berkata bahawa dengan memperkenalkan televisyen satelit, maka ia dapat mengatasi masalah rakyat yang berada di kawasan pedalaman Sabah dan Sarawak yang tidak dapat menerima pancaran RTM.

Saya mendapati kenyataan, dengan izin, 'tongue-in-cheek' Yang Berhormat Menteri Penerangan ini, sungguh memeranjatkan kerana ia menunjukkan seorang menteri persekutuan yang tidak mempunyai belas kasihan sosial (social compassion). Beliau harus tahu bahawa mereka yang duduk di kawasan pedalaman Sabah dan Sarawak, adalah rakyat yang berada di strata sosial paling miskin, yang sudah tentunya tidak akan berupaya untuk membelanja sebanyak RM1,680 untuk menyewa, mengadakan pancaran Astro dan membayar sewa bulanan setinggi RM80. Mengapakah seorang menteri boleh mengeluarkan kenyataan yang begitu cynical, sehingga memperolok-olokkan kemiskinan rakyat yang duduk di pedalaman Sabah dan Sarawak ini.

Cadangan Yang Berhormat Menteri Penerangan ini supaya mereka yang duduk di pedalaman Sabah dan Sarawak membayar Astro untuk mendapat

pancaran RTM1 dan RTM2 adalah sungguh tidak bertanggungjawab dan melanggar prinsip asas bahawa penyiaran awam harus dibekalkan secara universal dengan harga yang mampu ditanggung (affordable) dan boleh di access oleh semua rakyat secara adil dan saksama terutama sekali mereka yang merupakan sektor lebih miskin dalam masyarakat kita ini. Yuran yang dikenakan oleh Astro ke atas perkhidmatan penyiaran digitalnya adalah sungguh mahal sekali dan rakyat Malaysia berhak mengharapkan perkhidmatan penyiaran digital dari RTM sendiri.

Saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri Penerangan sama ada kerajaan mempunyai sebarang rancangan untuk menghentikan secara berperingkat-peringkat penyiaran analog (analogue broadcasting) untuk digantikan secara keseluruhannya penyiaran digital atau digital broadcasting dan sekiranya ya, bilakah proses sedemikian dapat diselesaikan.

Radio digital boleh membekalkan bunyi yang sungguh jelas setara dengan kualiti cakera padat (CD) ataupun kesan akustik sebuah dewan konsert yang baik. Radio analog yang konvensional tidak dapat mencapai standard seperti ini kerana had teknologi yang digunakan dan persekitaran pemancaran penyiarannya. Dengan kata lain, sungguhpun radio analog boleh kedengaran baik, tetapi ia tidak akan setanding dengan radio digital, sama seperti LP tidak dapat menyampaikan kesan dinamik CD.

Oleh sebab penerima radio digital adalah smart set, fungsinya lebih dari hanya menerima isyarat radio. Oleh sebab radio digital mempunyai liquid crystal display (LCD), ia akan dapat menerima perkhidmatan-perkhidmatan seperti:

- (i) tajuk, nama dan lirik lagu, artis dan album;
- (ii) maklumat trafik dan cuaca, termasuklah amaran-amaran kecemasan;
- (iii) perkhidmatan pemanggilan;
- (iv) perkhidmatan-perkhidmatan teks seperti petikan-petikan pasaran saham; dan
- (v) maklumat-maklumat tambahan mengenai sesuatu produk yang diiklankan.

Ada lagi lain-lain kemungkinan masa depan penggunaan futuristic untuk radio digital yang dapat dibangunkan lagi, termasuklah digunakan untuk memancar dan menerima computer file downloads dan pancaran faks.

Sebab itu radio digital telah dihuraikan sebagai sound of the future, dengan izin, dan stesen-stesen penyiaran di lain-lain negara sedang menghentikan secara berperingkat-peringkat penyiaran analog atau broadcasting analog untuk membekal pendengar mereka dengan kualiti bunyi yang paling baik di atas radio. Bunyi yang setaraf dengan sumber-sumber

audio tinggi nilainya seperti CD, digital cassettes dan perkhidmatan-perkhidmatan audio digital.

Di sini saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri Penerangan sama ada Malaysia menyokong resolusi World Administrative Radio Conference pada tahun 1992 yang mengendalikan peruntukan frekuensi sedunia secara rasminya mengagihkan L-Band sebagai pusat sedunia masa depan radio digital dan sama ada Malaysia telah mencapai persetujuan dengan negara-negara jiran kita atas isu penggunaan sebenar L-Band oleh Malaysia. Saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri ada buat catitan dan boleh jawab nanti.

L-Band merupakan jalur radio digital dalam lingkungan 1452 - 1492 Megahertz yang membolehkan penerimaan kedua-dua isyarat darat atau terresterially yang berasal dari satelit dan jalur untuk FM adalah 88 - 108 Megahertz, sementara jalur untuk AM adalah 0.52 - 1.705 Megahertz dan kedua-duanya tidak sesuai untuk isyarat satelit.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merujuk kepada pindaan definisi bagi 'penerima penyiaran televisyen' di dalam rang undang-undang ini yang menafsirkannya sebagai;

“Apa-apa radas yang digunakan bagi penerimaan visual dan aural bahan penyiaran dan dipancarkan oleh gelombang radio atau apa-apa gelombang elektromagnetik lain, melalui eter, kawat, kabel

atau satelit, termasuklah suatu antena penerima atau apa-apa kombinasi radas yang berupaya menerima secara langsung apa-apa bahan penyiaran”.

Komputer peribadi kini telah berupaya untuk menerima audio dan video. Adakah ini bermaksud ia perlu membayar yuran lesen televisyen di bawah undang-undang yang dipinda ini?

Pertanyaan yang sama juga wujud pada pager dan telefon bimbit digital yang melanggan kepada penyiaran maklumat berdasar teks, seperti laporan trafik, keputusan Empat Nombor Ekor, Magnum 4D, Toto dan lain-lain lagi visual. Adakah pager dan telefon bimbit juga perlu mendapat lesen tambahan selain daripada apa yang diperlukan sekarang mengikut Akta Telekomunikasi?

Saya diberitahu bahawa dawai penyidai pakaian ialah metal-clothes lines untuk kain baju ataupun gril besi juga dapat mempertingkatkan kualiti penerimaan pancaran radio. Maka, mengikut rang undang-undang ini, adakah mereka juga akan dianggap sebagai ‘penerima penyiaran radio’ yang memang sungguh tidak masuk akal?

Yang Berhormat Menteri Penerangan harus sedar tentang rancangan beberapa syarikat telekomunikasi multinasional untuk mencipta sistem telefon alternatif yang berasaskan satelit seperti projek Iridium Motorola yang menggunakan 66 satelit untuk meliputi kebanyakan kawasan bandar dunia ini. Dengan bertambahnya penumpuan digital ini, yang mengkaburkan perbezaan

antara penyiaran (broadcasting) dan telekomunikasi, apakah kedudukan sistem telefon alternatif ini di bawah Rang Undang-undang Penyiaran (Pindaan) 1996?

Satu tajuk yang penting apabila kita membincangkan isu penyiaran adalah mengenai kebebasan berakhbar kerana berita dan komentari adalah antara bahan-bahan penyiaran. Masa tidak membenarkan kita mengadakan perbincangan yang menyeluruh ke atas tajuk kebebasan berakhbar ini, tetapi semua stesen penyiaran mestilah mengingatkan bahawa tugas dan tanggungjawab mereka untuk menegakkan standard kewartawanan bebas, adil dan saksama yang tinggi ini.

Malang sekali, media elektronik di Malaysia telah ketinggalan jauh di belakang standard ini dan keadaan mereka adalah lebih buruk dari media cetak. Semua stesen penyiaran mestilah melaksanakan tanggungjawab sosial mereka semasa mengeluarkan rancangan-rancangan dalam semua kategori - maklumat, hiburan, pendidikan dan budaya. Sebagai contohnya, RTM haruslah berlagak sebagai Radio Televisyen Malaysia dan bukan sebagai Radio Televisyen Mahathir.

Semalam Yang Berhormat Timbalan Menteri mahu berdiri untuk menjelaskan sama ada Astro ada lesen, tetapi nampaknya dia sudah tarik balik, undur. Tetapi saya harap bahawa kita boleh dapat satu penjelasan yang nyata mengenai kedudukan Astro, sama ada kenapa Astro dibenarkan untuk beroperasi dan untuk mengutip bayaran mulai bulan November. Sungguhpun

rang undang-undang ini baru dikemukakan, ini bukan satu hal untuk menutup apa yang berlaku. Ini tidak bertanggungjawab dan kita mahu memberi amaran bahawa apa-apa yang tidak sah diteruskan dan kalau Astro mula mengutip bayaran yuran bulan hadapan, tentulah tindakan undang-undang akan difikir serta ditimbang dan Astro perlu menghadapi tindakan undang-undang oleh kerana apa yang dibuatnya adalah tidak sah.

Di sini saya mahu bertanya, Astro akan memancarkan RTM1 dan RTM2. Adakah Astro perlu membayar apa-apa jumlah kepada RTM oleh kerana transmit RTM1 dan RTM2 melalui Astro?

Atau adakah Astro memberi satu perkhidmatan yang baik kepada RTM dan RTM bukan sahaja mahu cakap terima kasih tetapi mungkin mahu bayar Astro. Ini tentulah tidak boleh masuk akal. Tentulah patut Astro bayar RTM, oleh kerana pemancaran RTM1 dan RTM2 sungguhpun, dengan izin, would enhance sound and picture quality. Kita mahu tahu, Parlimen mahu tahu dan negara mahu tahu apa hubungan sebenarnya antara RTM1 dan RTM2 dengan Astro, siapa bayar siapa dan amaun itu? Dan apa yang dibayar oleh Astro kepada RTM patut digunakan untuk membatalkan bayaran lesen televisyen supaya rakyat boleh menikmati faedah teknologi maklumat, affordable dan universal. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Sepang.

4.12 ptg.

Puan Seripah Noli binti Syed Hussin [Sepang]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana memberikan saya peluang membahaskan pindaan kepada rang undang-undang, Akta Penyiaran 1988 yang bagi saya antara pindaan yang penting sepanjang tahun ini, memandangkan peranan yang dimainkan oleh badan penyiaran di negara ini ialah proses mendidik dan membentuk masyarakat Malaysia masa depan.

Pertama sekali saya ingin mengucapkan tahniah kepada pihak kementerian kerana telah menyediakan satu bentuk pindaan yang agak menyeluruh bagi memastikan teknologi penyiaran Malaysia tidak ketinggalan menghadapi arus saingan abad ke-21.

Tuan Yang di-Pertua, matlamat dan keprihatinan pihak kementerian dalam memastikan perkembangan yang sihat bidang penyiaran dan komunikasi di negara ini dapat dilihat dengan jelas bila kita meneliti dan membandingkan pindaan dengan peruntukan. Rasional yang diberikan jelas menampakkan keperluan pengawalan yang lebih ketat serta penjelasan bidang kuasa yang lebih tepat. Pihak kementerian dalam memastikan bukan sahaja menggalakkan penerokaan serta perkembangan bidang penyiaran negara ini tetapi yang lebih penting pengawalan bidang ini secara khusus oleh pihak kerajaan untuk memastikan pengekal dan pengukuhan nilai budaya Timur antara kaum di negara ini. Penerimaan sewenang-wenangnya arus maklumat penyiaran terutamanya dari Barat yang didalangi oleh Rupert Murdoch seperti yang

dibangkitkan oleh Yang Berhormat yang lain sebelum ini, melalui penguasaan beberapa stesen utama penyiaran di Asia, kalau tanpa kawalan akan mengakibatkan penghakisan kronik nilai pegangan budaya, agama dan nilai moral di negara ini. Hari ini, di sebalik kawalan yang agak ketat pun kita boleh tengok kesan negatif dari nilai yang dibawa oleh Barat itu.

Tuan Yang di-Pertua, penakrifan atau pengistilahan semula beberapa istilah di dalam fasal-fasal tertentu jelas menampakkan sensitiviti pihak kementerian terhadap perkembangan terkini dalam industri penyiaran yang mungkin akan terlepas dari bidang kuasa pihak kementerian sekiranya akta ini tidak dipinda. Perkembangan bidang penyiaran yang begitu pantas dalam satu dekad kebelakangan ini yang selari dengan perkembangan sistem teknologi maklumat, kadang kala jauh meninggalkan dan mengatasi peruntukan perundangan yang sedia ada. Akibatnya, mereka yang tidak ada komitmen atau merasa diri mereka bertanggungjawab dalam soal pembinaan budaya bangsa dan rupa bentuk masyarakat masa depan akan terus mengambil kesempatan untuk mengaut keuntungan tanpa batasan dan pertanggungjawapan sosial. Pihak Kementerian Penerangan harus tegas dalam soal ini. Tanggungjawab mendidik anak bangsa bukan hanya terpikul di bahu Kementerian Pendidikan sahaja, tetapi di bahu semua.

Peruntukan pindaan di dalam akta di depan kita pada hari ini jelas memberikan bidang kuasa yang lebih luas kepada Kementerian Penerangan

untuk memandu dan menentu hala tuju masyarakat kita, terutama generasi muda. Penerimaan dan penyerapan nilai etika dan budaya menurut berbagai kajian akan melalui satu proses yang lebih pantas melalui media penyiaran radio dan televisyen kerana sebagaimana ungkapan seorang pujangga, ‘apa yang dilihat dan didengar akan terus meresap ke dalam kalbu’. Bidang kuasa yang diperuntukkan di dalam pindaan ini melalui seksyen baru 21A hingga L yang dimasukkan ke dalam akta di dalam Fasal 19 dan 20 dan beberapa fasal yang berkaitan, jelas menunjukkan pertanggungjawapan yang amat berat kepada pihak kementerian untuk menentukan hala tuju industri penyiaran negara sekali gus membanteras sebarang kegiatan penyelewengan nilai. Menyedari bahawa dasar langit yang terlalu terbuka yang diamalkan oleh beberapa negara Barat telah membawa kepada gejala keruntuhan nilai yang kronik di kalangan generasi muda mereka. Pihak kementerian harus lebih berhati-hati dalam menentukan nilai bahan siaran yang akan disebarkan.

Baru-baru ini pelbagai komen telah diberi oleh penulis-penulis ruangan hiburan yang seolah-olah mengecam keputusan Kerajaan Negeri Selangor dalam membatalkan Konsert Michael Jackson, mempersoalkan kewajaran pembatalan tersebut dengan pelbagai alasan yang dangkal dan tidak berdasarkan kepada kenyataan yang sebenar. Alasan bahawa masyarakat kita sudah mencapai tahap kematangan minda untuk menilai kesan baik buruknya konsert tersebut dan mempertahankan mesej yang akan dibawa di dalam lagu-

lagu yang disampaikan, jelas menunjukkan kekeliruan dalam memahami realiti sebenar. Dan dalam mempertahankan perkembangan bidang seni di negara ini. Nilai buruk perlakuan anak-anak muda semasa konsert-konsert sebegini tidak pernah diperkatakan. Apa yang jelas berlaku semasa konsert kumpulan rock Scorpions adalah kebebasan perlakuan yang tidak terbatas mengikut rentak budaya Barat yang cetek nilainya. Saya rasa mesej yang dikatakan wujud di dalam lagu, langsung tidak dihayati. Apa yang dihayati hanya keseronokan yang tidak berpaksikan kepada nilai semasa.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya perkatkan tadi hanya satu contoh dari ketidakmatangan generasi muda kita dalam menghayati dan menapis nilai yang dibawa oleh media penyiaran. Kesan-kesan lain seperti gejala bohsia, dadah, perhubungan seksual bebas dan tidak terbatas serta lain-lain gejala memang sudah tidak perlu diperkatakan lagi. Dalam isu sebegini, hanya kepada pihak Kementerian Penerangan kita sandarkan harapan untuk membentuk kembali sistem nilai masyarakat negara ini. Ruangannya melalui pindaan sudah ada, hanya cara dan pelaksanaannya di tangan pihak kementerian.

Tuan Yang di-Pertua, perkembangan industri penyiaran di negara ini menyaksikan pertumbuhan pesat pelbagai rangkaian swasta sama ada melalui sistem digital, satelit mahupun kabel. Apa yang menjadi kekhuatiran kita adalah nilai yang disebarkan melalui rancangan yang disiarkan oleh stesen-

stesen swasta ini. Peruntukan kuasa yang lebih kepada Menteri Penerangan mungkin boleh mengawal corak rancangan yang disiarkan.

Ada dua perkara mengenai rancangan yang ingin disentuh. Pertamanya mengenai rancangan luar yang disiarkan. Yang kedua, mengenai mutu rancangan tempatan itu sendiri. Beberapa rancangan TV swasta di negara ini agak jelas mengembangkan pertentangan nilai dan mengelirukan generasi muda negara kita dan ianya memberikan kesan yang begitu jelas tecerna melalui perlakuan anak-anak muda kita hari ini. Kesungguhan hanya memikirkan kedudukan rating, dengan izin, rancangan telah mengakibatkan mereka menyetepikan nilai budaya dan moral Timur kita. Beberapa rancangan yang disiarkan oleh Metro Vision contohnya, yang ghairah memaparkan gadis-gadis yang cantik semata-mata untuk memperolehi rating yang tinggi telah mengakibatkan tersebarinya secara meluas budaya hideoisme ataupun eksploitasian wanita untuk tujuan komersial yang melampau. Perjuangan membebaskan pemikiran sebegini belum selesai, malah seolah-olah tidak pernah dihiraukan. Akibatnya, sudah jelas kelihatan. Banyak lagi contoh yang boleh diberi tetapi takut tak cukup masa sekiranya dibentang pada hari ini. Apa yang kita harapkan selepas pindaan akta ini, tindakan yang lebih tegas dapat dilakukan oleh Yang Berhormat Menteri Penerangan bagi memastikan perkara yang sama tidak berulang.

Tuan Yang di-Pertua, bahan penyiaran yang berorientasikan ilmu juga kurang. Kalau ada pun, ianya disiarkan pada waktu yang kurang sesuai dan corak atau formatnya tidak menarik generasi muda. Rancangan kuiz yang disiarkan kadang kala tidak sesuai dengan budaya tempatan. Mungkin pihak kementerian harus meneliti beberapa rancangan berunsurkan ilmu seperti rancangan Blockbuster di TV di Great Britain, dengan izin, yang mendapat sambutan hangat dan sudah bertahan bertahun-tahun di sana. Walaupun formatnya berorientasikan ilmu, secara keseluruhan, ianya mendapat sambutan yang begitu meluas bukan sahaja di kalangan ibu bapa tetapi di kalangan sekolah-sekolah terkemuka di Britain.

Untuk menghantar pelajar terbaik mereka ke kuiz yang lebih mencabar itu. Ini disebabkan skop ilmu yang diperbincangkan begitu luas, meliputi bidang sains, teknologi, falsafah, sastera dan kenegaraan. Mungkin melalui rancangan sebegini kita mampu melahirkan generasi muda yang lebih berwibawa dan lebih kompeten dalam membawa cabaran negara ke abad ke-21 nanti.

Dalam menyentuh rancangan tempatan, garis panduan etika dan nilai nampaknya agak longgar dan ada kalanya tidak diendahkan oleh penerbit tempatan. Itu belum disentuh soal mutunya lagi. Sebagai contoh rancangan-rancangan terbitan HVD seperti slot spektra dan lain-lainnya jelas tidak memperlihatkan nilai sebenar masyarakat Malaysia. Pengarah yang mengarah

bukannya anak tempat dan jelas mereka tidak memahami budaya tempatan, yang dipaparkan budaya yang diadaptasikan dari Hong Kong yang tidak kena-mengena langsung dengan kita. Bayangkan kalau pelancong luar menonton dan menganggap inilah sebenarnya budaya kita.

Memang kita tidak nafikan keperluan membanyakkan rancangan tempatan, tetapi ini bukan caranya. Mungkin dengan menggalakkan tenaga kreatif tempatan, dengan imbuhan dan dokongan yang sesuai akan membantu ramai pengusaha atau konsortium bumiputera yang mampu membawa cabaran ini. Berilah mereka peluang yang sewajarnya, mungkin pengagihan slot rancangan tempatan yang lebih seimbang dan adil dapat membantu.

Sebenarnya apa yang kita risaukan ialah harapan untuk kita menjadi sebuah negara maju menurut acuan sendiri tidak tercapai. Apa yang terhasil adalah acuan Hong Kong atau Amerika. Di samping itu, penampilan artis-artis kita dalam rancangan televisyen juga harus diberi perhatian, ada kalanya penampilan yang akan keterlaluan dari soal pakaian tidak diperhatikan.

Pihak kementerian harus lebih bertegas dalam soal ini memandangkan peranan para artis hari ini yang serius menjadi 'role model', dengan izin, kepada generasi muda, bukannya kita di Dewan yang mulia hari ini. Ini adalah realiti yang tidak boleh dinafikan. Kalau perlu di'gam' dari ditampikan di kaca TV maka 'gam'lah mereka untuk kepentingan semua. Pencabulan nilai etika dan moral tidak seharusnya diremehkan.

Tuan Yang di-Pertua, hari ini kita melihat usaha memartabatkan Bahasa Melayu seolah-olah diremahkan oleh personaliti artis tempatan. Penggunaan bahasa yang bercampur atau bahasa rojak begitu meluas sekali terutama di dalam beberapa rancangan hiburan. Alasan yang diberi baru-baru ini oleh beberapa personaliti TV bahawa rancangan sebegini bukannya rancangan pendidikan bahasa, menampakkan betapa tidak seriusnya mereka dalam memartabatkan bahasa sendiri. Ada yang berhujah bahawa ini semua adalah untuk keperluan komersial semata-mata. Kita kesal kerana rancangan hiburan sebegini mempunyai jumlah penonton yang begitu ramai yang akan memberikan kesan terhadap usaha kita memperteguhkan penggunaan bahasa. Kritikan demi kritikan telah diberi oleh pelbagai tokoh bahasa, tetapi ia tidak pernah diendahkan oleh sesetengah para karyawan. Mungkin pihak kementerian boleh melakukan sesuatu untuk mengatasi perkara ini. Penggunaan bahasa baku juga tidak konsisten di dalam penyampaian berita di TV Nasional. Mungkin langkah yang diambil oleh TV3 perlu dicontohi; ‘ular yang menyusur akar, tidak akan hilang bisanya’.

Saya juga ingin menyentuh beberapa iklan yang disiarkan di kaca TV yang langsung tidak mencerminkan realiti budaya, tetapi lebih memaparkan gaya hidup Barat yang terlalu bebas. Iklan-iklan ini seolah-olah tidak menghormati nilai etika dan garis panduan yang disuarakan oleh pihak

kementerian tidak lama dahulu. Ada iklan yang disiarkan begitu sahaja, tetapi ditarik balik setelah mendapat bantahan orang ramai.

Kita tidak perlu menunggu bantahan dari orang ramai. Untuk melaksanakan tindakan, ianya harus bermula dari peringkat kelulusan dan mengikut garis panduan yang telah pun ditetapkan. Ada juga iklan yang disiarkan mengelirukan pengguna dengan maklumat yang jelas palsu. Iklan-iklan ini seperti pelbagai rancangan 'teleshopping' di kaca TV, bukan sahaja mengelirukan pengguna, tetapi juga ianya seolah-olah menggalakkan pembaziran di saat-saat ekonomi negara sedang melimpah-ruah.

Kita merasakan jika tidak ada garis panduan yang lebih jelas atau tindakan yang lebih tegas, segala rancangan kerajaan ke arah inflasi sifar akan dikecewa dan tidak akan tercapai. Budaya pembaziran seperti ini bukan sahaja akan menjejaskan nilai di dalam masyarakat, bahkan ianya juga akan memberikan kesan negatif yang begitu ketara dalamimbangan perdagangan negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat mengharapkan agar pihak kementerian memanfaatkan akta pindaan yang dibentang hari ini dan menyedari peranan penting yang dimainkan oleh industri penyiaran negara kita, sebagai pemangkin atau catalyst, dengan izin, reformasi minda dan sosial masyarakat kita. Keprihatinan dalam mengawal selia rancangan-rancangan TV sama ada

stesen swasta, hatta kerajaan sekalipun adalah amat diharapkan kerana ruangnya lebih jelas dengan pindaan ini.

Persoalan kritikan Barat tentang hak individu penyiaran dan maklumat mengikut kaca mata mereka tidak seharusnya menghalang kita menentukan hala tuju negara mengikut keperluan kita, kerana akhirnya kita yang akan mewarisi akibatnya, bukan mereka.

Keterbukaan dalam mengambil contoh yang positif sama ada dari stesen swasta atau sebaliknya harus wujud untuk memastikan nilai-nilai positif ini terus subur dalam industri penyiaran negara. Dalam pada itu, tindakan disiplin yang tegas sama ada kepada pengusaha stesen televisyen dan radio swasta serta pengusaha rancangan tempatan, yang jelas melanggar garis panduan etika dan moral penyiaran harus dilaksanakan dengan lebih tegas untuk memastikan mereka sedar bahawa tanggungjawab membina generasi yang lebih berwibawa bukan hanya di tangan kerajaan, tetapi di tangan semua. Semoga dasar yang lebih tegas ini dapat dilaksanakan dengan wujudnya pindaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, dengan itu, saya memohon menyokong Rang Undang-undang Penyiaran (Pindaan) 1996. Sekian, terima kasih.

Timbalan **Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]**: Batang Lupar.

4.28 ptg.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Batang Lupar]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bercakap sedikit sahaja untuk menyokong Rang Undang-

undang Penyiaran (Pindaan) 1996 ini dan ingin menyentuh beberapa perkara berhubung dengan pindaan ini sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, semalam kita telah mendengar terutama perkara yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Kota Melaka mengenai soal 'haram-halal'nya penyiaran ataupun rancangan yang dibuat oleh pihak Astro untuk menjualkan produksi mereka kepada masyarakat umum di Malaysia.

Saya bukanlah membela sesiapa, pandangan saya adalah sedikit berlainan Tuan Yang di-Pertua, kerana kalau kita hendak membina sebuah rumah, kita mendapatkan kelulusan daripada pihak-pihak yang tertentu dan mendirikan sedemikian. Apabila rumah itu siap nanti, sebelum rumah itu boleh diduduki atau digunakan untuk menjalankan sesuatu perniagaan, ada juga pihak pemaju menjual rumah tersebut. Jadi, penjualan berlaku before business itu boleh dijalankan dan dalam keadaan yang sedemikian infrastruktur yang dibuat tidaklah boleh dikatakan haram.

Tuan Yang di-Pertua, kadang-kadang sekali undang-undang itu dibuat oleh kerana kita merancang untuk membina sesuatu perkara, tetapi ada pula masanya undang-undang itu dibuat oleh kerana mengambil tindakan terhadap perkara yang telah berlaku, kerana perkara yang lama atau peruntukan undang-undang yang lama tidak membuat satu peruntukan untuk mengatasi masalah-masalah yang bakal kita hadapi. Dengan hal yang demikian, saya berpendapat iaitu pembinaan infrastruktur, perancangan untuk menjualkan program atau

produksi mereka adalah tidak haram. Ini adalah satu perancangan untuk masa hadapan yang mana pihak kementerian telah membuat satu perancangan untuk meminda undang-undang ini dan perancangan untuk meminda undang-undang ini bukannya dengan sekelip mata Tuan Yang di-Pertua, ia datang dengan perancangan dari pihak kementerian itu juga, mungkin sudah berbulan-bulan, draftsmannya, AG Chambersnya dan semua orang yang terlibat membuat penyelidikan awal.

Jadi, dalam keadaan yang sedemikian saya tidak setuju dengan tuduhan-tuduhan yang tidak begitu menyenangkan.

Tuan Yang di-Pertua, memang tidak dapat kita nafikan, kita sekarang dalam satu persimpangan, iaitu soalan yang pertama, adakah kita bersedia untuk mendedahkan masyarakat Malaysia itu kepada gejala-gejala yang bakal dibawa menerusi kaca TV, Internet dan sebagainya? Adakah kita mempunyai satu kemampuan untuk mengatasi masalah yang bakal kita hadapi itu nanti? Mungkin gejala-gejala yang kita dapat ataupun budaya yang kita bawa di negara kita menerusi kaca TV dan Internet itu nanti adalah berlainan daripada budaya kita sendiri. Dan adakah kita mempunyai satu kekebalan yang hidup dalam kita sendiri untuk mengatasi masalah ini.

Jadi, yang kedua, adakah kita oleh kerana masalah dan gejala ini, menutup sekali negara Malaysia ini kepada semua ilmu-ilmu ataupun kemahiran-kemahiran ataupun peluang-peluang yang ada bakal kita dapati

daripada media yang sama, iaitu Internet, TV dan sebagainya. Jadi, di sini kita mestilah membuat satu fikiran yang rasional, iaitu di samping kita mahukan ilmu-ilmu dan pengetahuan-pengetahuan yang bakal kita boleh pelajari menerusi Internet dan sebagainya, ataupun media cetak dan media elektronik yang bakal kita adakan di sini, kita juga perlu memandangkan yang negara kita perlu dijaga, budaya kita mesti perlu dijaga, masyarakat kita perlu dijaga. Tetapi cara untuk menjaga masyarakat itu hendaklah dirancang dengan baik dan teliti.

Jadi, saya berharap, Tuan Yang di-Pertua, pihak kementerian, di dalam kita menyalurkan semua media ataupun siaran-siaran yang bakal kita adakan, menerusi Astro, menerusi Mega TV dan apa-apa sahaja penyiaran yang akan kita terima, kita mestilah melihat dari kaca mata kita sendiri, budaya kita sendiri agar jangan sangat mengeliru ataupun mempengaruhi anak muda kita yang pada masa sekarang memang telah dipengaruhi oleh budaya-budaya yang kurang menyenangkan.

Satu lagi, Tuan Yang di-Pertua, di masa kita hendak mempromosikan supaya anak-anak muda kita, supaya masyarakat kita membaca buku, mempunyai budaya membaca, tetapi dalam masa yang singkat sebelum kita berjaya mencanai ataupun menyemaikan budaya membaca di kalangan masyarakat, satu budaya lain lagi pula hendak kita tanamkan atau kita semaikan, iaitu melihat televisyen. Sekarang Astro, Mega TV umpamanya 24

jam akan menyalurkan gambar wayang yang tidak berhenti-henti. Kalau kita hendak duduk di depan TV 24 jam pun boleh. Jadi, kita mungkin hilang cara lain. Dari pejabat ataupun dari bangku sekolah kita duduk di hadapan TV, melihat TV. Jadi, kita hanya satu budaya, iaitu budaya melihat TV sahaja. Jadi, budaya melihat TV ini akan menghilangkan promosi kita hendak mempamer atau mempromosikan budaya membaca, menghilangkan budaya belajar daripada yang kita hendak promosikan di kalangan anak-anak sekolah kita.

Jadi, dalam keadaan yang sedemikian, saya bukanlah mempunyai satu cadangan, Tuan Yang di-Pertua, saya serahkan kepada pihak kementerian buat penyelidikan supaya penyiaran televisyen sama ada Astro ataupun Mega TV, janganlah dimuat dengan sepenuhnya wayang-wayang gambar yang tidak memberi hasil. Sekurang-kurangnya diselit-selitkan dengan benda-benda yang boleh memberikan pendidikan, yang boleh mempromosikan ilmu, yang boleh mempromosikan budaya, yang boleh mempromosikan nilai-nilai yang baik. Tetapi apa yang kita pandang pada masa sekarang, tiap-tiap di perantaraan program tidak ada lain. Saya juga ingin menyebut Metro Vision, memang semuanya nyanyian dan lagu-lagu. Semuanya mempromosikan nyanyian-nyanyian dan lagu yang bukan corak budaya kita. Semuanya video clip yang ditunjukkan itu adalah mencorakkan video clip yang kurang menyenangkan.

Jadi, dalam keadaan yang sedemikian, saya percaya tugas kementerian memang adalah susah sekali. Di samping kita hendak membawa dan membuka alam kita kepada media yang sedemikian, kita juga terpengaruh dengan budaya yang tidak menyenangkan. Di samping kita hendak membukakan masyarakat kita kepada information technology, kita mungkin akan memupus budaya membaca di kalangan masyarakat. Di samping kita mempromosikan supaya orang kita tidak mempunyai apa yang dikatakan takut dengan komputer, iaitu komputer forbia yang mungkin berlaku di kalangan masyarakat yang mendengarkan cerita, siapa yang mengguna komputer ini anak-anaknya akan tertekan. Duduk di hadapan komputer lebih senang daripada benda-benda yang lain. Di samping ketakutan masyarakat ataupun masyarakat-masyarakat yang mungkin peringkat tua takut kepada komputer ataupun komputer forbia ini. Kita juga hendak mempromosikan agar anak-anak muda dan belia kita menyukai dan menyenangi ilmu-ilmu ataupun mempelajari ilmu-ilmu yang mungkin kita dapat pelajari menerusi information technology, yang disalur menerusi komputer-komputer yang ada pada kita.

Jadi, dalam keadaan yang kelam-kabut sedemikian, Tuan Yang di-Pertua, memang tugas kementerian adalah sukar dan memerlukan tindakan-tindakan yang rapi. Kerana masyarakat kita Tuan Yang di-Pertua, bukan sebagai masyarakat di Barat. Masyarakat di Barat telah melalui beberapa revolusi yang tertentu daripada 200 tahun yang lepas. Mereka telah melalui

revolusi-revolusi culture mereka dan revolusi industri mereka dan sampai ke peringkat information technology pada masa sekarang. Tetapi kita dalam masa yang singkat sekali, dalam masa 30 tahun, kita serentak dengan revolusi-revolusi yang dihadapi oleh masyarakat Barat dalam masa 200 tahun. Jadi, kita mesti mempunyai ketahanan diri untuk mempertahankan budaya, agama dan bangsa kita daripada dijelajah ataupun diatasi oleh budaya-budaya yang bakal kita terima menerusi media yang ada pada kita pada masa sekarang.

Jadi, dalam keadaan sedemikian, orang-orang yang terlibat, kementerian-kementerian, orang-orang dalam TV, bukan sahaja orang yang bakal membuat dasar-dasar, tetapi penting sekali orang yang nampak di kaca TV sendiri, orang front liner, umpamanya DJ kita, pengaturcara kita, orang yang membaca suratkhbar kita, semua sekali yang ternampak yang menjadi orang celebrity mestilah mempamerkan budi pekerti dan budaya yang baik dan mulia.

Jadi, saya menyebutkan ini secara sepintas lalu kerana setahun lepas pernah kita ternampak seorang penulis di dalam surat khabar menyatakan salah seorang daripada pembaca surat khabar apabila membuat satu temuramah di kaca TV menggunakan perkataan-perkataan yang mungkin tidak patut digunakan di kaca TV, umpamanya seorang daripada TV3, apabila bercakap mengenai soal AIDS, datang seorang yang boleh dikatakan orang yang dihormati untuk ditemuramah, dia bertanya dengan orang itu “Tuan ini ada AIDS atau tidak?”. Jadi, soalan yang sedemikian adalah sangat-sangat tidak

boleh diterima kerana dia duduk di sana mesti melambangkan budaya orang Malaysia yang baik, tetapi dia sepatutnya menemuramah orang yang dianggapkan orang yang terhormat, orang yang boleh memberi satu idea, ditanya pula sama ada orang itu ada menyimpan penyakit AIDS ataupun tidak.

Seorang yang sama apabila menemuramah seorang pegawai, juga bertanya dengan pegawai itu sama ada dia pernah masuk jel ataupun tidak. Jadi, soalan-soalan yang sedemikian tidak perlu dan sebaliknya pula adalah memperkecil-kecilkan pegawai yang muncul di kaca TV untuk ditemuramah. Jadi saya berharap pegawai-pegawai yang 'appear' ataupun mempamerkan muka mereka sendiri di kaca TV sepatutnya tidak mempunyai budi pekerti dan perangai yang sedemikian. Sudahlah dia memberi ceramah kepada masyarakat di Malaysia - bersikap baik, bercakap baik, berbudaya baik, tetapi dia sendiri yang menunjukkan budi pekerti dan perkataan yang buruk. Saya berharap pihak kementerian memberi satu garis panduan kepada mereka semua untuk menunjukkan ataupun menjadi orang hadapan di kaca TV ataupun di radio jangan mempunyai budi pekerti yang sedemikian. Jadi, saya tidak ingin menyebut siapa orang yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh sedikit soalan yang telah dibangkitkan oleh saudara saya dari Seri Aman semalam, iaitu soalan penyiaran televisyen, radio dan sebagainya di Sarawak pada masa sekarang, walaupun dikatakan televisyen - TV3, RTM1 dan RTM2 telah sampai ke

seluruh Malaysia, tetapi anggapan ini adalah tidak benar, oleh kerana masih banyak tempat di pedalaman yang belum mendapat penyiaran yang jelas ataupun siaran langsung daripada TV-TV yang saya sebutkan tadi. Tetapi dalam keadaan yang sama juga mereka ini dikehendaki membayar sewa yang sama sebagaimana orang di bandar yang menerima semua kemudahan ini. Jadi, dalam keadaan itu, sudahlah mereka ini bukan orang yang kaya, mereka orang yang miskin, mereka bayar dengan jumlah yuran yang sama tetapi dia hanya menerima satu saluran (channel) sahaja, itupun channel yang kurang baik - mungkin Channel 1 sahaja, dia tidak ada pilihan untuk TV3 ataupun TV2.

Jadi, dalam keadaan yang sedemikian, saya berharaplah peningkatan penyiaran ini sepatutnya mestilah dibuat ke seluruh negara, kalau tidak penyelidikan mestilah dibuat agar mereka yang ada TV, yang mendapat saluran yang tidak begitu baik dimaafkan ataupun dikecualikan daripada membayar yuran-yuran terutama mereka yang di luar bandar kerana mereka ini juga mempunyai satu social obligation kepada kerajaan, kerana kita kena perkenalkan kepada mereka siapa Perdana Menteri kita, siapa menteri-menteri kita, siapa pegawai-pegawai atasan kita yang nampak di kaca TV. Kerana pada satu ketika dahulu, saya pernah bercakap di Dewan ini, masih banyak di pedalaman orang tidak kenal siapa Perdana Menteri Malaysia kerana tidak pernah tengok TV dan tidak dapat baca surat khabar. Sekarang perkara ini sepatutnya tidak berlaku lagi kerana TV kita sudah ada, radio kita sudah ada,

jadi, sepatutnya semua orang Malaysia mesti mengenali siapa pembesar-pembesar mereka.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, beberapa tahun dahulu kita pernah menyebut dalam kaca TV itu mengeksploitasikan kanak-kanak dalam iklan-iklan mereka. Jadi, pengiklanan untuk mengeksploitasi kanak-kanak ini masih berleluasa, tidak habis-habis. Kementerian sendiri sudah sebut tetapi masih berleluasa. Saya pernah bercakap beberapa kali tetapi masih juga tidak berkurangan, anak-anak daripada umur 3 tahun, yang sudah tahu sedikit tengok TV sampailah ke umur 12 tahun, masih dieksploitkan dalam televisyen bagi mengiklankan sesuatu perkara yang kadang-kadang tidak bererti, umpamanya fast-food outlet dan sebagainya - semuanya mengiklankan barang-barang yang bermacam-macam dan benda-benda macam coklat dan sebagainya - diiklankan benda ini pandai terbang, benda itu pandai berlari dan macam-macam lagi tetapi sebenarnya benda itu tidak ada kualiti ataupun attribute, dengan izin, yang sedemikian, tetapi pengiklanan itu dibuat dengan sebegitu gaya dan sebegitu rupa, yang menunjukkan benda itu boleh membuat sesuatu perkara yang lebih daripada apa yang sebenarnya boleh dibuat.

Jadi pengeksplotasian kanak-kanak ini masih berleluasa di kaca TV kita, jadi, saya berharap pengeksplotasian kanak-kanak ini sepatutnya dikurangkan. Saya bukanlah tidak pernah melihat televisyen di negara-negara lain, saya pernah melihat dan banyak melihat televisyen di negara lain, tetapi

tidak pernah saya melihat pengeksploitasian kanak-kanak yang berleluasa sebagaimana yang telah dibuat di televisyen Malaysia. Jadi, saya berharap pengeksploitasian ini dikurangkan.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi fasal pengeksploitasi, kalau kita nampak umpamanya - ini soal eksploitasi, kalau kita pergi ke outlet, umpama Mc Donald di Amerika, iklan-iklan mereka menunjukkan kalau beli Mc Donald kita boleh beli 4 pinggan yang cantik-cantik - di rumah pinggan-pinggan itu semua mungkin boleh diguna, pergi ke Philippines, kita boleh nampak KFC yang mengiklankan bila kita membeli KFC kita boleh membeli cawan yang boleh juga digunakan di rumah, tetapi apa yang berlaku di Malaysia, benda-benda yang tidak boleh diguna diiklankan. Jadi, ini bukan sahaja pengeksploitasian tetapi membazirkan wang yang tidak boleh mendapatkan hasil balik, umpamanya patung-patung, dinasour, Hunchback of the Notredam dan macam-macam lagi. Jadi, anak-anak kita membeli makanan itu untuk membeli benda-benda yang tidak berguna, bahkan sekarang ini tidak berlaku di luar negara - di Philippines tidak berlaku, di Amerika tidak berlaku - dia tidak menjual benda-benda ini, dia juga di kedai-kedai Toys'R'us, dia tidak jual di kaca-kaca televisyen, dia tidak iklan menerusi KFC atau Mc Donald tetapi di sini kita buat menerusi KFC dan Mc Donald, kenapa buat macam itu?

Sepatutnya kita mempunyai kuasa, kita gunakan kuasa itu dengan baik. Katakan dalam pengiklanan, ini jangan dibuat, kalau hendak buat pun melalui

pengiklanan, juallah pinggan, juallah periuk, pasu dan kualiti, umpamanya. Benda ini sekurang-kurangnya boleh digunakan kalau dibeli ataupun terpaksa ibu bapa membeli bagi pihak anak-anak mereka. Jadi saya berharap pihak kementerian melihat jauh daripada apa yang telah berlaku untuk membendung gejala-gejala yang mungkin orang tidak guna lagi di luar negara, tetapi kita gunakan di negara ini. Pengeskploitasian yang berlebihan yang tidak dipakai di luar negara tetapi kita pakai di negara kita menerusi kaca televisyen kita.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi soalan menggunakan benda-benda buatan kita sendiri ataupun buatan Malaysia. Dua tiga hari ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menyebutkan kita sepatutnya jangan beli barang yang dibuat daripada luar negeri. Saya bersetuju dan saya menyokong, tidak payahlah hendak sembang-sembang, tunjuk sendiri pakai Dunhill ataupun pakai YSL, pakai apa sahaja benda yang masuk dari luar negara ataupun pakai benda-benda lain ataupun tunjukkan filem-filem Holywood ataupun filem-filem Hong Kong untuk di kaca TV kita, tetapi sepatutnya kita gunakan benda pengeluaran 'local' - saya bersetuju 100% dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Tetapi apabila benda yang kita keluarkan di negara kita sendiri, kalau baju ataupun pakaian-pakaian, kereta dan sebagainya kita boleh setanding dengan apa yang dikeluarkan di luar negeri, bahkan orang membeli kereta BMW, Mercedes dan sebagainya - cuma beli nama sahaja, yang reliabilitinya belum tentu boleh tanding dengan Perdana ataupun Proton.

Jadi, yang dikeluarkan dalam televisyen, kita punya drama, kita punya gambar-gambar wayang kita, kualitinya langsung tidak dapat diminati oleh masyarakat Malaysia yang sudah berkehendakkan benda yang bukan sahaja baik, canggih dan sekurang-kurangnya dapat mengekori kualiti-kualiti yang dikeluarkan oleh pihak dari Hong Kong ataupun dari Hollywood.

Jadi, dalam keadaan yang sedemikian, saya berharap pihak kementerian sebelum menggunakan mana-mana drama ataupun gambar dalam televisyen mestilah membuat, memastikan benda-benda yang kita hendak siarkan itu mempunyai satu kualiti yang boleh diterima oleh masyarakat Malaysia kerana masyarakat kita sekarang sudah tidak macam, apa sahaja yang kita beri dia terima. Jadi, kalau kita tunjukkan benda yang tidak ada kualiti, jadi, apa pilihan yang ada? Ialah untuk memilih benda-benda yang ada kualiti yang dikeluarkan oleh Hong Kong ataupun daripada Hollywood.

Jadi, kalau masyarakat Malaysia lebih ghairah, lebih suka melihat apa yang ditunjuk daripada Hollywood dan yang ditunjuk daripada luar negara, janganlah kita merungut pula, janganlah kita marah dengan orang kita pula dan kalau dalam keadaan yang sedemikian, ada budaya-budaya yang buruk dibawa menerusi benda-benda yang canggih, benda-benda produksi yang baik tadi, jadi, kita yang terpengaruh, kita hendak kata orang daripada Hollywood, orang daripada luar negara mempengaruhi dan kementerian pula yang disalahkan kerana menggunakan benda yang ada kualiti sedemikian di kaca TV.

Sebenarnya, orang yang terlibat dalam industri perfileman, industri drama ini sepatutnya meningkatkan kualiti mereka, meningkatkan semua segi daripada segi lakonannya, daripada segi teknikalnya, daripada segi penggambarannya dan dari segala segi supaya dapat menyaingi.

Dan satu lagi berhubung dengan kualiti, umpamanya drama sekarang kita pandang, Drama Wira menunjukkan yang mana apabila seorang wira ataupun panglima itu boleh berterbangan macam panglima yang ditunjuk dalam televisyen Hong Kong, ini mengikut cerita Hong Kong yang dibuat 20 tahun lepas, tetapi kita baru sekarang buat, orang sudah fed-up melihat cerita Hong Kong buat macam itu, tetapi kita sekarang baru buat.

Tetapi kalau kita pandang, Hollywood dia tidak gunakan benda yang macam itu pula, dia gunakan benda-benda yang canggih, dia gunakan computer generated stunt, ataupun computer generated penggambaran dan sebagainya untuk membuat kecanggihan dan keindahan dalam penggambaran.

Jadi, orang kita tak buat, jadi, pertandingan kita kalah! Jadi, janganlah ikut budaya-budaya orang yang sudah tunjuk dalam TV itu hendak dikut, terikut-ikut budaya Hong Kong ini hendak buat gambar, apa salahnya tunjukkan kalau ada pergaduhan corak yang kita pandai buat, bertikam keris umpamanya, menggunakan silat-silat kita sendiri, tak payah berterbangan sampai ke pokok getah di atas itu - tak payah! Tetapi tunjukkan ilmu keris dan

ilmu silat Melayu yang jati dengan menunjukkan siri itu mungkin akan menarik benda yang berlainan.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita pandang Breakheart umpamanya, wayang yang dibuat oleh pihak Amerika, cerita Breakheart - William Wallace seorang hero di Scotland melawan British. Ini cerita betul ini tetapi didramatisakan cerita in such away, dengan izin, menjadikan satu tarikan walaupun eksploitasi William Wallace itu bukannya besar sangat, satu kali perlawanan sahaja William Wallace itu sudah mati - kalah! Tetapi dalam televisyen itu dia tunjukkan begitu gaya macam William Wallace ini boleh hentam semua Kerajaan England pada ketika itu.

Tetapi sebenarnya, William Wallace dalam satu peperangan di Northfolk kalau tidak salah saya, dia kalah dan selepas itu dismembered badan dia, dihantar kesetiap empat penjuru England itu menunjukkan lain kali jangan lawan lagi Kerajaan British - orang Inggeris. Tetapi dalam keadaan yang demikian, saya membuat satu kesimpulan, kenapa pula salah, kalau kita ambil cari nama-nama orang dahulu yang telah memperjuangkan negara kita ini, yang telah berjuang di sana sini, kita dramatisakan mungkin keluar sedikit daripada corak sejarah, tetapi kesan sejarahnya tetap ada.

Umpamanya cerita Sharif Masyhor yang melawan James Brooke di Sarawak. Mat Kilau yang melawan British di Pahang. Kita banyak lagi kesan sejarah, kita dramatisakan cerita ini, tetapi janganlah suruh Mat Kilau itu

terbang sampai pokok getah pula. *[Ketawa]* Janganlah buat Sharif Masyhor berterbang keluar Batang Sadong pula. Kapal dia kena selam oleh Royalist di Kuala Sadong, janganlah cakap Sharif Masyhor boleh terbang daripada sana pergi ke Sebangan. Tunjukkan benda yang realistik tetapi di 'overdramatise'kan cerita supaya menarik minat.

Jadi, saya bukanlah ahli pengarah wayang, tetapi saya tengok wayang banyak. *[Ketawa]* Saya bukan wayang macam DAP, wayang DAP dia berlainan sedikit. Dia banyak berlakon, macam Kepong yang selalu berlakon, tetapi dia bolehlah diambil jadi actor.

Jadi, tuan-tuan, minta maaf, saya baru habis daripada pilihan raya Tuan Yang di-Pertua, 'tuan-tuan dan puan-puan' masih banyak dalam fikiran saya.

Jadi, kita carilah bahan-bahan sejarah yang ada, gunakan bahan sejarah itu di 'overdramatise'kan dan perbesar-besarkan eksplorasinya, satu, menunjukkan heroism kita orang Melayu ataupun orang-orang kita Malaysia. Kedua, memperbesar-besarkan perjuangan kita.

Ini juga menunjukkan satu patriotism, dengan izin, tetapi kita tidak buat perkara ini, jadi patriotik itu dibuat secara lain dan perkara itu dibuat secara lain bahkan kalau kita memandang di Hollywood, semenjak tahun 50-an lagi gambar Hollywood itu dia menekankan Arab, dia tekan-tekan Arab, umpamanya, kalau ada orang yang menggunakan kasbah yang bertudungkan muka ini, kalau dibuka muka perempuan itu, dia nampakkan perempuan itu

dapat 'hay lip', pecah ini, maknanya semua orang Arab yang bertudung itu sebab muka mereka ini ada parut ataupun bibir mereka pecah.

Itu satu penganiayaan, satu propaganda yang dibuat oleh pihak Hollywood menekankan orang-orang Arab. Orang Arab ini kalau dia perempuan macam itulah dia, kalau orang lelaki dia 'cut throat' dan pembunuhan yang tidak berfikir dua kali.

Jadi, satu propaganda politik digunakan oleh pihak Hollywood oleh kerana sesuatu, ada pihak hendak menekan dalam peperangan di antara British dengan Egypt dan sebagainya. Jadi, kita di sini juga mestilah mengetahui kesan sejarah dan kita mesti menyelidik kesan sejarah dan gunakan kesan sejarah itu sebagai bahan untuk kita pameran tetapi jangan menggunakan benda yang macam wira ini terbang sana, masuk tanah keluar tanah, masuk gua, keluar gua - Ya Allah! Tidak siapa pun boleh menerima cerita ini sebagai cerita orang Melayu!

Kalau kita memang buat macam itu dahulu, kita tak boleh kalah. Yang Amat Berhormat pernah menyebutkan perkara ini.

Jadi, orang TV, orang pengeluar televisyen dan mengeluarkan gambar-gambar drama dan wayang ini, kena banyak sedikit dia punya imagination dan gunakan minda dan ilmu mereka macam mana hendak buat, hendak over dramatisakan perkara-perkara seperti ini.

Jadi, dalam keadaan yang sedemikian mungkin kita boleh membuat satu filem yang menarik minat, yang mungkin dapat mengatasi masalah-masalah, semua orang melihat 'Eraser', orang melihat macam-macam lagi cerita yang mereka buat itu, macam mana Arnold Schwarzenegger dan sebagainya. Kita boleh atasi perkara yang seperti itu, banyak orang gagah dan orang kuat kita, lebih kuat daripada Arnold Schwarzenegger lagi. Jadi, kenapa pula tidak diambil? Tetapi kalau hendak buat itu ha! Blame lagi TV, keluar Melaka, saya tengok siaran cerita Melaka itu. Nama dia Melaka, kalau Yang Amat Berhormat ada tengok atau tidak? Dia tunjukkan tengah hari siapa hamba Allah yang tengah hari tidak tengok? Kalau dia tidak berada di pejabat, dia sedang tidur di waktu tengah hari. Jadi, prime time, tolonglah benda-benda yang ada kesan sebegini, ada yang tunjuk ataupun ada pengajaran yang sedemikian, janganlah ditunjukkan pada masa manusia yang tidak ada tengok. Budak pergi sekolah, ibubapa mungkin di pejabat. TV kalau dia hendak buka, dia seorang sahaja duduk di rumah. TV sendiri yang berbunyi.

Jadi pernah saya sebut soalan programming ini. Programming saya ulang dan ulang sentiasa. Apa nama ini - Forum Perdana Islam ditandingkan dengan TV2 action movie, Arnold Schwarzenegger lawan dengan Ustaz ...jadi anak-anak kita tidak mahu tengok ustaz ini bersyarah. Dia tengok TV action movie dia tengok. Dia lebih minat dengan action movie. Dia lebih minat dengan apa lagi di TV3. Ini kalau Mega TV sudah sampai, Astro dah sampai, apa-apa

Perdana Islam Perdana, apapun Perdana hal soalan Islam ataupun soalan agama, soal moral yang kita tunjuk dalam TV colour benda itu dipertandingkan dalam masa prime time yang sama, kita tidak akan dapat kesan, oleh kerana penonton yang melihat ini adalah orang dalam padang itu saja, yang tengok TV, semua tengok yang lain.

Jadi saya berharap, kita sekarang kurang-kurangkanlah sedikit pendapatan wang dan suruhlah tempat ini bertanding dengan tempat yang kurang baik. Mungkin benda-benda yang lain. Mungkin drama Tionghua sebelah, drama India sebelah, mungkin dia orang tidak mahu tengok ini. Forum Perdana ini orang Islam yang tengok, yang lain tengok drama Cina, yang satu sebelah lagi, tengok drama India.

Jadi sekurang-kurangnya kita semua, dengan harapan orang Islam tengok yang ini. Saya berharap perkara macam ini walaupun kecil-kecil, Tuan Yang di-Pertua, dalam kita membendungkan perkara-perkara, gejala yang tidak baik yang datang kepada kita, kita mesti lihat yang kecil-kecil itu menjadi besar kerana pengaruh wayang, pengaruh TV bukan main lagi. Orang kita sekarang kalau kita pergi pekan, ke pasar, ke kedai, ke mana-mana orang panggil kita `bos'. Hello bos, tidak lagi pakcik, abang, adik jarang-jarang. Di Sarawak macam itu. Saya kata I oppose penggunaan perkataan `bos' ini, sebab bos ini di`introduce' di Fantasy Island dulu. Orang Amerika cerdik, mereka menggunakan nama Mr. Rock. Tidak kita tahu Mr. Rock bukan nama Mr

Roque, penipu, itulah sebab dia bos. Yang satu itu, kalau orang panggil saya bos, saya panggil dia Tadoo. Jadi jangan marah sebab saya tidak mahu dipanggil bos. Bos itu gangster. Pengaruh TV ini bukan makna jahat. Panggilan bos itu bukan jahat tetapi kita mempamerkan macam mana pengaruh televisyen, media dan benda-benda yang semacam ini kepada masyarakat kita. Semua orang tak panggil orang atasan dia bos lagi, tak panggil tuan, tak panggil encik, tak panggil abang lagi. Pakcik pun tak panggil lagi. Dia panggil bos dah.

Bahkan di kedai Parlimen saya masuk semalam 'hai bos' terkejut saya, terus keluar. Saya nak beli tie pun tak jadi. Saya bagi tahu, kalau saya pergi market di Kuching, siapa panggil saya bos, saya tidak beli walaupun dah pegang ayam, pegang ikan, saya tak jadi. Kalau orang panggil saya abang, pakcik baru saya beli.

Itu kempen saya sendiri. Orang lain tak sokong pun tak apalah. Jadi perkara-perkara macam ini menunjukkan pengaruh televisyen, pengaruh media kepada mental masyarakat. Jadi, perkara kecil-kecil yang kita pertunjukkan dalam TV, semalam Yang Berhormat dari mana yang sebutkan, orang kita datang, anak-anak kita datang bercakap dengan bapanya cakap dialog rock. Dia kata 'Pi lah lu'. Pilah lu-apa benda pilah lu. Saya dengar cerita pilah lu - pergi lah lu.

Jadi, ini semua cerita-cerita macam ini keluar daripada rock. Jadi, pengaruh Tuan Yang di-Pertua, memang tidak dapat dinafikan di dalam kita

menghadapi masalah pengaruh ini pihak RTM, pihak TV-TV yang akan kita tontonkan dalam televisyen itu, nanti mesti memperbanyak dan memperbaiki bimbingan kita kepada masyarakat kita agar tidak hilang daratan, agar tidak hilang pendirian kita, agar tidak hilang budaya kita ditelan oleh cengkaman, apa yang dikatakan information teknologi yang bercorak tidak menyenangkan ini. Jadi dengan keadaan ini Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Jelutong

5.07 ptg.

Tuan R. Karpal Singh [Jelutong]: Tuan Yang di-Pertua, bahagian ke IV rang undang-undang ini, memperuntukkan dan memberi kuasa kepada pegawai diberi kuasa, khasnya kuasa yang diberi ialah untuk masuk, menggeladah, menyita, tangkap tanpa waran, buat search tanpa waran dan lebih daripada itu. Kuasa yang diberi adalah polis power. Polis power yang ada diletakkan dalam seksyen 112 hingga 116 Kanun-Acara Jenayah. Bolehkah pegawai yang diberi kuasa dan pegawai ini dilantik oleh menteri.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah menyemak Akta Ibu ini, Akta Penyiaran 1988. Tidak ada dalam mana-mana peruntukan itu yang meletakkan apa taraf, apa jenis, apa pengalaman bagi pegawai yang diberi kuasa. Tuan Yang di-Pertua, jika kuasa-kuasa luas akan diberi kepada pegawai-pegawai ini, apa yang perlu adalah untuk menentukan pegawai-pegawai ini adalah pegawai-pegawai

yang bertanggungjawab, pegawai-pegawai yang berpengalaman untuk menggunakan kuasa-kuasa yang diberi kepadanya.

Apa yang saya nyatakan tadi Tuan Yang di-Pertua, polis power adalah diletakkan di tangan pegawai yang diberi kuasa khasnya seksyen 21J, bahagian (4) - "Seseorang pegawai diberikuasa yang membuat penyiasatan di bawah Akta ini, boleh menjalankan mana-mana atau segala kuasa yang diberikan oleh seksyen 111 Kanun Acara Jenayah dan seksyen 112 sehingga 116 dan seksyen 119 Kanun itu."

Tuan Yang di-Pertua, kuasa yang digunakan oleh polis ada beberapa contoh, di mana kuasa itu ada disalah guna. Walaupun pegawai ini adalah pegawai yang dilantik selepas interview dan yang ada pengalaman dan taraf untuk memegang kuasa itu.

Tetapi dalam keadaan itupun, Tuan Yang di-Pertua, ada salah guna kuasa khasnya dalam kes Lee Quat Leong, di mana 11 pegawai termasuk pegawai atasan ada salah guna kuasa. Di mana Lee Quat Leong meninggal, apabila di soal oleh pegawai-pegawai ini. Dua daripada 11 orang itu, Tuan Yang di-Pertua, ada dipenjarakan selepas satu enquiry. Enquiry memutuskan bahawa 11 pegawai polis ini ada terlibat dalam kematian Lee Quat Leong itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat] : Yang Berhormat

Tuan R. Karpal Singh: Dan hari ini....no, saya beri contoh.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Apa hubungkaitnya?

Tuan R. Karpal Singh: Ada hubungkait kerana jika polis boleh salahguna kuasa, siapa orang ini sekarang? Pegawai yang diberi kuasa, apa tarafnya? Itu saya mahu dapat tahu daripada kerajaan dalam kes itu. Hari ini soalan saya adalah mengenai apakah tindakan yang diambil ke atas 9 pegawai yang tidak ada di hadapan mahkamah, tetapi Peguam Negara ada memberi jaminan bahawa tindakan tatatertib akan diambil terhadapnya.

Tuan Yang di-Pertua, hari ini, pertanyaan mulut No. 30. Walaupun apa yang saya tanya adalah satu soalan yang penting bagi kepentingan orang ramai, saya ingin bertanya apakah tindakan yang diambil ke atas 9 orang pegawai ini? Jawapannya adalah, empat orang pegawai polis berpangkat Pemangku Superintenden Polis, Pemangku - Deputy Superintenden Polis, Assistant Superintendent Police dan Chief Inspector telah diberi surat teguran. Manakala tindakan tatatertib ke atas 5 orang anggota polis yang berpangkat dari Lance Corporal sehingga Sergeant belum ditentukan lagi.

Bolehkah dalam keadaan ini.....

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, nanti sekejap ya. Saya tak nampak sebarang hubungkait di antara soalan yang dibangkitkan tadi dengan Akta Penyiaran ini. Lebih-lebih lagi, saya rasa itu bukan dalam bidang kuasa kementerian yang berkenaan.

Tuan R. Karpal Singh: No, kepada orang yang diberi kuasa. Tuan Yang di-Pertua, 21D, sila baca. 21.....

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat.....

Tuan R. Karpal Singh: Saya baca.....

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Nanti dahulu Yang Berhormat.....

Tuan R. Karpal Singh: Saya baca bagi faedah Tuan Yang di-Pertua. Seseorang pegawai diberi kuasa boleh membuat apa-apa yang disenaraikan di sana termasuk menggunakan police powers. Jika polis sendiri boleh menyalahgunakan kuasa, bolehkah? Tidak ada apa-apa di dalam Akta Ibu yang menentukan siapa pegawai yang diberi kuasa ini, apa jenis dan qualification dan sebagainya. Bolehkah peruntukan seperti itu dimasukkan di dalam pindaan ini?

Jadi itulah contoh yang saya beri untuk menunjukkan bahawa apa yang dimasukkan di dalam peruntukan pindaan ini tidak disemak dengan halus, tidak kira siapa pegawai yang diberi kuasa dan sebagainya.

Saya menyeru kepada kerajaan untuk menghalusi dan mengambil berat perkara ini untuk menentukan pegawai yang akan dilantik adalah pegawai dengan pengalaman dan pegawai yang tidak menyalahgunakan kuasa untuk menentukan bahawa pegawai ini tidak mencontohi apa yang dibuat di dalam kes Lee Quat Leong. Itu ada kaitan sekarang, bukan?

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, sekadar contoh, saya benarkan.

Tuan R. Karpal Singh: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Tetapi nampaknya Yang Berhormat ghairah sangat hendak mengupas kes Lee Quat Leong itu yang tak ada kena-mengena langsung dengan Akta Penyiaran.

Tuan R. Karpal Singh: Bukan, sebagai contoh menunjukkan ada kes. Jika tidak ada kes, apakah contoh itu? Come on! Dan satu peruntukan yang lain yang saya ingin sentuh. Itu adalah 21O;

“Kerajaan tidak boleh dikehendaki menggantikan apa-apa kerosakan yang berlaku kepada sesuatu alat terima siaran radio atau alat terima siaran televisyen atau apa-apa peralatan atau radas lain akibat daripada kemasukan, penggeledahan atau penyitaan di bawah Akta ini, melainkan jika kerosakan itu telah disebabkan oleh pengabaian atau kesalahan yang disengajakan oleh seorang pegawai awam.”

Dan selepas itu, jika ada niat jahat dan itu ada diperuntukkan di dalam seksyen 21N., jika ada niat jahat barulah pegawai yang terlibat boleh dibawa ke mahkamah untuk dipanggil sebagai orang yang menjawab atau sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, satu peruntukan seperti ini tidak adil. Bagi Akta Keselamatan Dalam Negeri, seseorang boleh ditahan, tetapi jika tahanan itu tidak mengikut prosedur, beliau ada hak untuk memasukkan kes di mahkamah. Dalam kes Gurcharan Singh baru-baru ini, walaupun hakim itu memperuntukkan RM1 sahaja sebagai gantirugi, itu lain. Kami sudah merayu.

Tetapi ada peruntukan, tidak kira niat jahat atau tidak. Niat jahat itu bukan soalan. Jika prosedur tidak diikuti, seseorang ada hak jika ditahan tanpa mengikuti prosedur itu untuk mendapatkan gantirugi. Saya merayu kepada kerajaan, barangkali mengikut apa yang ada di dalam Akta Keselamatan Dalam Negeri, bukan apa yang diperuntukkan di dalam seksyen 21N ini.

Ini sahaja Tuan Yang di-Pertua untuk mendapat jawapan barangkali apabila menteri menjawab. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Jerantut.

5.15 ptg.

Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria [Jerantut]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana telah memberikan saya peluang untuk membahaskan pindaan kepada Akta Penyiaran pada petang ini.

Terlebih dahulu saya ingin menyokong pihak kerajaan kerana telah membawa pindaan kepada akta ini. Saya ingin membuat beberapa cadangan kepada pihak kerajaan, khususnya dari segi sistem nilai yang ada di dalam negara kita.

Apa yang kita fikirkan dari segi Violence, Horror, Sex and Culticultural (VHSC) dengan izin. Apa yang violence di negara kita tidak semestinya violence di negara Amerika. Apa yang kita tafsirkan sebagai terlampau dari segi adegan-adegan seks di negara kita tidak semestinya x-rated di negara Amerika dan begitu juga dengan horror dan counter-culture.

Saya hendak beri satu contoh, bukan di negara Amerika, tetapi di negara Jepun. Beberapa tahun yang lalu saya telah pergi ke negara Jepun dan telah menginap di sebuah hotel di Tokyo. Pada lebih kurang jam 11.30 malam saya telah memasang TV di dalam bilik saya dan setelah surf the channels yang ada pada TV tersebut, saya telah terjumpa dengan satu channel televisyen yang memaparkan talk show. Tetapi kali ini talk show ini adalah di antara seorang penemuramah Jepun dengan seorang stripper wanita kulit putih yang menjadi penari bogel di salah sebuah kelab malam di bandar raya Tokyo.

Wanita yang ditemuramah itu memanglah tidak berbogel semasa ditemuramah, tetapi adegan-adegan yang ditunjukkan sebagai excerpt daripada apa yang dilakukan oleh penari bogel itu ditunjukkan dan dipaparkan. Yang paling utama ialah yang dibincangkan oleh penemuramah dengan penari bogel ini subjectnya ialah The Female Orgasm.

Jadi saya memikirkan, kalaulah dengan adanya satelit televisyen, kita dapat perkara ini dan tidak ada satu mekanisme yang betul-betul baik dan betul-betul boleh digunakan untuk mengawal adegan ataupun talk show macam ini, maka kita rakyat Malaysia ini akan berdepan dengan satu culture di mana perkara-perkara yang saya nyatakan tadi, saya hendak sebut dua kali pun susah.

Perkara yang saya katakan tadi dibincangkan di dalam televisyen. Adakah kita mempunyai mekanisme iaitu apabila perkara-perkara macam ini berlaku kita boleh blok, kita boleh pastikan ini tidak diterima oleh rakyat

Malaysia? Begitu juga dengan filem-filem yang dilakonkan oleh aktres yang begitu liberal sekali, macam ahli dari Batang Lupar tadi dia sebut beberapa aktor yang ada di dalam filem-filem tetapi kalau kita ada filem yang dilakonkan oleh aktres seperti Sharon Stone, Julia Robert, Madona dan sebagainya. Kalau filem ini dipancarkan melalui satelit kepada negara kita, sudah pasti ianya tidak disensor oleh kerana di Amerika dia tak sensor filem, dia sensor audience. Jadi, adakah kita mempunyai 'mechanism of control'. Adakah apabila filem macam ini sama ada soft porn ataupun hardporn, tiba-tiba apabila dia hendak pancar, kita boleh stop, blackout atau apa-apa. Adakah kita kontrol mempunyai macam ini?

Saya pun ada baca surat khabar yang dibangkitkan oleh ketua pembangkang tadi, maknanya ada 30 channel dan sebagainya, kita boleh kontrolkah? Adakah kita boleh dapati kepastian bahawa kita boleh kawal counter culture yang sudah pasti datang, sebab saya baru pergi ke Manila baru-baru ini bulan Mei, ada 48 channel di Hotel Hyatt, Manila dan kita boleh tengok filem daripada Perancis, daripada Argentina, semua kita boleh tengok dan kebanyakan daripada filem-filem ini tidak sesuai, tidak secocok dengan sistem nilai yang kita ada.

Jadi, saya memohon kepada Kementerian Penerangan di dalam saya menyokong dari segi untuk memberikan maklumat yang lebih terkini, terancang, terbaik kepada seluruh rakyat Malaysia untuk menjadikan rakyat

Malaysia ini satu masyarakat yang bermaklumat tetapi 'the other side of the coin', dengan izin, kita mesti fikir dari segi 'VHSC' ini yang saya rasa merupakan satu gejala yang betul-betul wujud di dalam sistem pemancaran sistem satelit yang kita akan ada kelak.

Lagi satu sebagai contoh, hari raya. Ini dibangkitkan dalam Perhimpunan Agung Umno yang telah lalu di mana siaran TV begitu mendadak sekali, 24 jam siaran TV ada, hari raya puasa, hari raya haji dan sebagainya. Sekarang ini kalau kita nak tengok, dengan ada sistem seperti sekarang ini, kita hendak tengok takbir hari raya, boleh jadi anak-anak kita tak ada nak tengok siaran takbir ataupun kita terlalai dengan apa yang dipaparkan oleh TV. Kita sudah tak tengok siaran takbir ataupun rancangan-rancangan agama yang bersangkutan paut dengan Hari Raya Aidilfitri ataupun Aidiladha oleh kerana ada siaran lain yang lebih boleh jadi melalaikan kita. Kita bangkitkan perkara ini dalam Perhimpunan Agung Umno supaya dikurangkan ataupun pada hari tersebut, pada hari raya, pada hari yang penting, macam Maulidul Rasul dan sebagainya, kita pastikan pancaran tidak ada supaya orang boleh memberikan keprihatinan mereka kepada siaran-siaran yang dipancarkan oleh RTM dalam bentuk agama.

Saya berharap perkara-perkara ini pun boleh kita fikirkan sebab kalau kita beri secara 'lock stock and barrel' maknanya dia boleh pancar daripada day one, hari yang pertama 24 jam, 365 hari dalam setahun, saya rasa ini akan

menyebabkan sistem nilai kita yang wujud di dalam negara kita ini akan berubah dan saya rasa rakyat Malaysia akan menjadi, boleh jadi 'more Americans than Americans are', dengan izin.

Jadi, saya berharap kepada pihak Kementerian Penerangan memikirkan mekanisme sebab saya rasa mekanisme ini tidak wujud, walaupun saya diberitahu pagi tadi bahawa ada mekanisme di mana dapat mengawal siaran TV yang boleh dipancarkan kepada rakyat dalam negara kita. Tetapi saya tidak begitu yakin (convince) dengan apa penerangan yang diberikan kepada saya oleh seorang yang tahu berkenaan dengan pancaran televisyen melalui satelit ini.

Selain daripada itu, saya baca dalam surat khabar baru-baru ini pada hari Isnin, yang memperkatakan berkenaan pengiklanan melalui satelit. Dalam surat khabar berkata iklan rokok dan arak tidak boleh dibenarkan, tetapi iklan untuk kondom boleh dibenarkan. Dan iklan untuk arak sekiranya movie ataupun sesuatu wayang itu dianjurkan (sponsored) oleh sebuah syarikat arak, maka iklan itu secara tidak direct boleh dipaparkan dalam siaran televisyen itu. Di mana sistem nilai kita dari segi agamanya, maknanya kalau ada kiranya: okay, satu wayang disponsor oleh sebuah syarikat, Budweiser sebagai contoh ataupun permainan baseball di Amerika Syarikat disponsor oleh Miller Beer, nilai kita di mana? Macam mana kita hendak pastikan ada kawalan ini? Adakah kita

mempunyai kawalan yang betul-betul boleh menyekat kemasukan unsur-unsur negatif ini?

Saya berharap soalan-soalan ini dapat pihak Kementerian Penerangan memberikan jawapan di samping macam saya katakan tadi, kita hendak pastikan rakyat negara kita mempunyai maklumat yang terkini, kita mesti juga fikir bahawa kemasukan siaran televisyen yang begitu mendadak dapat juga mempengaruhi rakyat sehinggakan dapat mengubah sistem nilai kepada satu sistem yang kita tidak kehendaki.

Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Parit.

5.27 ptg.

Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas [Parit]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Bersesuaian dengan perkembangan pesat teknologi komunikasi yang kini melanda sektor penyiaran negara kita, saya menyokong sepenuhnya pindaan Akta Penyiaran 1988 yang dibentang oleh Yang Berhormat Menteri Penerangan.

Tuan Yang di-Pertua, kemunculan Astro di kalangan masyarakat Malaysia memang dialu-alukan, namun terasa semacam satu kebimbangan - adakah mungkin Astro dapat bertahan dalam mengharungi gelombang pasaran sektor penyiaran?

Tuan Yang di-Pertua, menurut *Asian Business* keluaran 10hb. Oktober 1996, beberapa syarikat penyiaran gergasi antarabangsa menghadapi kerugian yang amat besar, contohnya News Cops melalui anak syarikatnya Star TV kerugian US\$100 juta setiap tahun, manakala MTV pula kerugian bertimbun-timbun, dalam bahasa Inggerisnya dengan izin, 'heaps and heaps' dan NBC, TNT serta Cartoon Channel dan Asia Business juga mengalami kerugian yang besar.

Jadi, dalam senario Malaysia, sekiranya kita hendak berlanggan dengan Astro, kita terpaksa membeli atau memasang parabolic disc dengan harga RM2,000 dan juga RM80 sebulan sebagai sewaan. Saya mahu jaminan daripada pihak kerajaan bahawa Astro ini tidak akan mengalami kerugian sepertimana yang dialami oleh syarikat-syarikat gergasi antarabangsa seperti yang telah saya katakan tadi kerana untuk mendapat keuntungan, syarikat-syarikat penyiaran ini terpaksa bertahan bertahun-tahun lamanya sebelum mendapat keuntungan. Jadi, apakah jaminan bahawa syarikat Astro ini dapat bertahan sepanjang itu dan apakah jaminan bahawa wang yang telah dikeluarkan oleh pelanggan-pelanggan tidak sia-sia sahaja?

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi gejala yang saya rasa akan timbul daripada kemunculan Astro ini ialah berkaitan dengan tenaga-tenaga mahir, keahlian dan kepakaran di antara tenaga-tenaga pekerja yang mungkin berpindah daripada Televisyen Malaysia ataupun TV3 ke syarikat Astro kelak.

Jadi, apakah jaminan bahawa pekerja-pekerja atau tenaga-tenaga mahir tetap ada di kalangan Televisyen Malaysia supaya orang-orang yang tidak berada, yang tidak mampu berlanggan dengan syarikat Astro ini dapat menikmati program-program yang bermutu.

Tuan Yang di-Pertua, Astro menerima semboyan Measat melalui 'KU band' yang dipasangkan kepada Phillips Parabolic. Rancangan-rancangannya saya harap mestilah pelbagai dan memenuhi citarasa masyarakat majmuk serta memenuhi serba-serbi objektif kerajaan dan juga masyarakat kita. Oleh kerana Astro ini merupakan satu-satunya televisyen satelit yang ditawarkan kepada umum, saya harap rancangan-rancangan seperti yang saya katakan tadi dapatlah memberi manfaat sepenuhnya kepada pelanggan-pelanggan, sebab kita khuatir sekiranya monopoli ini hanya dinikmati oleh satu syarikat sahaja, rancangan-rancangannya tidak dapat memenuhi matlamat masyarakat.

Kita ambil sebagai contoh di Korea Utara misalnya, kalau kita pergi ke sebuah supermarket, kita boleh memilih mana-mana sahaja radio yang hendak kita beli. Kita bawa balik dan kalau kita pasang radio itu, kita akan dapati bahawa radio itu mempunyai satu channel sahaja iaitu channel yang dibenarkan oleh kerajaan. Tetapi kalaulah channel itu yang dibenarkan oleh kerajaan dapat memenuhi keperluan seisi masyarakat - itu tidak apa. Jadi, yang saya hendak bangkitkan di sini ialah secara perbandingan. Adakah Astro yang

mempunyai monopoli ini dapat memenuhi citarasa semua peringkat masyarakat serta dapat memenuhi matlamat kerajaan?

Tuan Yang di-Pertua, bercakap tentang pengisian tempatan ataupun local content, kita dapati pada masa ini di seluruh Asia, syarikat-syarikat penyiaran berlumba-lumba untuk menempatkan atau mengisikan isian-isian tempatan (local content) dalam penyiaran-penyiaran ataupun dalam program-program mereka.

Saya sudah dengar tadi daripada rakan-rakan Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membincangkan tentang program-program yang ada, sedang dan telah disiarkan oleh rancangan-ancangan televisyen kita. Terdapat semacam satu jenis stereotaip, yang biasa dipamerkan dalam drama-drama dan juga di dalam sitcom-sitcom yang disiarkan oleh rancangan televisyen kita. Rata-rata kalau saya hendak beri contoh, stereotaip yang ada diberi di sini ialah stereotaip kalau di dalam drama misalannya tidak dapat tidak kita dapat menyaksikan kisah-kisah cinta di antara gadis dan teruna. Di dalam banyak hal kisah-kisah cinta ini di antara gadis yang miskin dengan teruna yang kaya ataupun sebaliknya dan bagaimana mereka mengharungi alam percintaan.

Saya rasa sudah sampai masanya program-program seperti Spektra dan program-program lain ini mencontohi program-program dari Barat. Banyak telah diperkatakan tentang program-program Barat yang rata-rata penonton-penonton atau pengguna berpendapat bahawa program-program dari Barat ini

banyak menonjolkan budaya-budaya yang tidak sesuai dengan budaya kita. Tetapi disebaliknya kalau kita kaji ada beberapa rancangan yang saya rasa bukan hanya sesuai, tetapi mempamerkan falsafah-falsafah yang dapat menjadi ikutan kita. Sebagai contoh siaran-siaran seperti 'Full House', 'Our House', 'The Cosby Show' dan sebagainya menyelitkan berbagai-bagai falsafah tentang kehidupan harian yang dapat membantu penonton-penonton tentang cara-cara untuk mengharungi kehidupan sehari-hari dan juga menyelesaikan masalah.

Jarang-jarang sekali kita dapati watak-watak kanak-kanak yang mempamerkan falsafah-falsafah seperti ini di dalam drama-drama kita, walaupun ada watak kanak-kanak dimasukkan di dalam drama, watak-watak itu dikira sebagai watak sampingan sahaja untuk tidak membuat jalan cerita itu membosankan ataupun menjemukan. Tidak ada diselitkan falsafah hidup di mana seorang anak misalannya dipamerkan ataupun ditunjukkan sebagai mengalami sesuatu kekecewaan dan ibu ataupun bapa dapat menjelaskan kepada anak ini bahawa kekecewaan itu merupakan satu daripada asam garam hidup, dan kekecewaan itu akan ditempuhi oleh anak ini dari semasa ke semasa di dalam kehidupan ini. Falsafah-falsafah seperti ini tidak ada, kata-kata nasihat ini tidak ada ataupun jarang kedapatan, kalau ada pun, kalau tidak silap saya dalam siaran televisyen yang disiarkan sudah lama dahulu, misalannya dalam siaran 'Opah', sahaja ada mempamerkan falsafah kekeluargaan,

falsafah hidup seharian, tetapi siaran-siaran yang ada sekarang ini banyak mempamerkan plot-plot yang amat cetek sekali.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi yang ingin saya bangkitkan di sini ialah tentang filem-filem dokumentari. Saya rasakan filem-filem dokumentari tempatan amat sedikit sekali bilangannya dan ini tidak dapat memenuhi keperluan rakyat yang sekarang ini menempuhi zaman teknologi maklumat. Ada beberapa dokumentari yang biasa disiarkan melalui televisyen iaitu seperti National Geographic dan Discovery. Kita dapati bahawa siaran-siaran seperti ini menarik minat bukan sahaja kanak-kanak ataupun belia, bahkan orang-orang dewasa. Kenapa tidak kerajaan mensyaratkan bahawa tiap-tiap stesen TV ini mempunyai rancangan-rancangan dokumentarinya yang cukup untuk memenuhi keperluan informasi kepada masyarakat-masyarakat kita di Malaysia ini?

Selain daripada itu saya rasa berkenaan dengan dokumentari ini perlu juga diadakan insentif berupa kewangan kepada stesen-stesen yang mahu menggalakkan lagi ataupun memperbanyakkan lagi siaran-siaran dokumentari ini.

Tuan Yang di-Pertua, tadi ada rakan saya Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain yang menyebut tentang program-program yang perlu diperbanyakkan lagi untuk dapat menembusi semua golongan penonton di negara kita. Saya amat bersetuju dan saya rasa saya pernah bangkitkan perkara ini juga dalam

Dewan yang mulia ini pada tahun lepas iaitu saya ingin merayu sekali lagi agar pihak kerajaan dapat mengadakan program regional ataupun program mengikut negeri-negeri ataupun mengikut daerah-daerah di negara kita ini. Kalau kita imbaskan kembali sepertimana yang saya kata tadi, bagi menikmati rancangan Astro misalnya kita terpaksa membayar kalau tidak silap saya RM2,000 sebulan untuk memasang parabolic disc dan RM80 sebulan untuk sewaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mewakili masyarakat yang kurang berada iaitu di kawasan Parit, manalah larat orang-orang Parit ini mencari wang RM2,000 untuk membeli parabolic disc dan macam mana pula mereka hendak membayar RM80.00 sebulan. Jadi, kita bahagikanlah orang-orang di kawasan-kawasan seperti ini, kita tambahkan lagi siaran-siaran untuk mereka, memang ada TV1, TV2, TV3, tetapi Metro Vision misalnya hanya dinikmati oleh orang-orang di Klang Valley dan di Selangor sahaja. Apa jadi dengan mak cik-mak cik dan pak cik-pak cik kita di kampung ini, mereka juga memerlukan kepelbagaian di dalam kehidupan mereka dalam konteks siaran-siaran televisyen. Bagi radio misalnya kita ada radio daerah yang mempamerkan loghat-loghat daerah dan kita dapati bahawa siaran-siaran radio seperti ini amat diminati oleh orang-orang kampung. Kita hanya perlu mendengar sahaja siaran-siaran radio ini dan kita boleh tengok bahawa tiap-tiap kali ada siaran panggilan telefon mak cik-mak cik dan pak cik-pak cik ini akan memberi respons yang amat positif terhadap siaran-siaran panggilan telefon ini dengan

memberikan idea-idea, memberikan tips, petua-petua, misalannya di dalam pengurusan rumahtangga, di dalam masalah kekeluargaan dan sebagainya. Kenapa tidak kita memperkembangkan ini, memperluaskan siaran seperti ini kepada televisyen pula? Jadi, saya harap Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri Penerangan akan mengambil berat tentang hal ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi yang ingin saya sebut di sini ialah berkenaan dengan dubbing. Saya dapati bahawa taraf (standard) dubbing di dalam siaran-siaran televisyen kita ini memang amat mengecewakan. Saya katakan begini kalau sekiranya kita boleh membuat perbandingan, kita bandingkan sahaja dubbing yang dilakukan oleh Radio Televisyen Indonesia di mana dubbing itu dibuat dengan cara amat profesional. Tetapi di tempat kita sudahlah kadang-kadang suara untuk budak-budak atau kanak-kanak digunakan suara orang perempuan dan kadang-kadang gerak mulut pula tidak sama dengan perkataan yang keluar dan ini bukan sahaja diperhatikan oleh penonton-penonton bahkan ini saya rasa diakui oleh pihak televisyen itu sendiri. Saya pernah menonton satu siaran 'Skrin' di mana pengacara televisyen itu sendiri mempersenda-sendakan standard dubbing yang ada disiarkan di televisyen.

Jadi, besarlah harapan saya agar Yang Berhormat Menteri Penerangan akan juga mengambil berat tentang hal ini.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh sedikit berkenaan dengan iklan. Sebagaimana yang kita fahamkan bahawa iklan

membawa pengaruh yang amat besar kepada penonton-penonton. Sebagaimana yang diterangkan oleh rakan-rakan saya Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain tadi bahawa kadangkala terdapat penonton-penonton khususnya anak-anak yang meniru-niru apa yang dilihat di dalam iklan. Jadi, di sini kalau kita perhatikan iklan yang ada, saya rasa seolah-olah pada masa ini iklan yang dipamerkan itu tidak sepenuhnya mempamerkan realiti masyarakat yang ada pada hari ini.

Sebagai satu contoh, kalau kita lihat dalam keluarga moden sekarang ini, kita dapati bahawa dalam satu keluarga itu ada isteri yang bekerja juga, dan suami yang bekerja, dan bila kedua-dua ini balik ke rumah suami dan isteri bertungkus-lumus menguruskan rumahtangga memasak dan sebagainya. Tetapi ini tidak dipamerkan di dalam iklan-iklan. Kenapa di dalam iklan hanya ditunjukkan wanita sahaja yang membasuh pinggan? Sebab saya rasa ramai juga laki-laki membantu membasuh pinggan, bantu mencuci dan menyidai kain dan sebagainya. Jadi, kalau kita hendak pameran 'detergent' dan sebagainya, sekali-sekala tunjukkanlah sang suami berpakaian apron membasuh pinggan. Ini rasa saya mungkin merupakan satu gambaran yang baik dan mungkin boleh mempengaruhi ramai lagi suami-suami, terutamanya suami yang isterinya bekerja, untuk menolong isterinya di rumah. Sekianlah sahaja, Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]*

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Ahli-ahli Yang Berhormat, saya dapat benarkan seorang untuk mengambil bahagian. Selepas ini minta kementerian menjawab. Yang belakang.

5.43 ptg.

Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz [Hulu Langat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya buah penghujung. Buah hujung selalunya tawar, yang manis orang sudah makan. Bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan syabas dan menyokong usaha kementerian meminda akta ini untuk memperjelaskan kuasanya. Saya juga mengambil kesempatan mengucapkan syabas kepada Menteri Penerangan kerana melahirkan satu lagi idea untuk memberikan nama kependekan atau nama ringkas, nama singkatan kepada kementeriannya iaitu “KEMPEN”. Jadi, KEMPEN atau Kementerian Penerangan inilah yang saya hendak sentuh pada hari ini. Dari segi akademiknya radio dan TV terkandung dalam bidang komunikasi mempunyai 4 peranan utama, iaitu memaklumkan, menghibur, mempromosi dan yang keempatnya mendidik.

Apabila kita meneliti keempat-empat peranan berkenaan, iaitu 4M ini, jelaslah pemberian nama KEMPEN untuk Kementerian Penerangan amat bertepatan. Dalam hal ini, 4M seharusnya dilihat sebagai usaha bersepadu, bersahaja, tetapi bersungguh-bersungguh. Bersepadu bermakna keempat-empat unsur ini tidak dipisah-pisahkan. Sebaliknya ia seiringan. Apabila ada unsur-

unsur hiburan, maka adalah unsur-unsur pendidikan, adalah promosi dan juga penyaluran maklumat. Penyampaian unsur-unsur berkenaan akan menjadi amat berkesan apabila dilakukan dengan bersahaja secara halus, tiada paksaan tetapi jelas. Kesemuanya hendaklah dijalankan dengan bersungguh-sungguh dan bukannya sekadar melepaskan batuk ditangga sahaja. Dengan mengamati keempat-empat peranan ini jelaslah bahawa radio dan TV memainkan peranan yang amat penting dengan kehidupan kita. Apabila peranan ini dijalankan dengan bersungguh-sungguh dan penuh kesedaran serta tanggungjawab, yakinlah kita pembangunan negara akan tercapai dengan baiknya.

Tuan Yang di-Pertua, namun pada kesempatan ini saya mahu berkongsi pandangan mengenai beberapa perkara yang bersangkutan dengan Kementerian Penerangan yang mana berkaitan pula dengan Akta Penyiaran yang kita bahaskan. TV dan Radio Pendidikan kita nampaknya telah mengalami banyak perubahan. Masa siarannya telah ditingkatkan dan mutu penyiarannya juga agak memuaskan. Siarannya bagaimanapun telah dipisahkan dari rangkaian nasional. Langkah ini mungkin untuk memudahkan pembelajaran di sekolah-sekolah, tetapi ia tidak menepati unsur bersepadu yang saya nyatakan tadi. Kerana TV Pendidikan ini telah dipisahkan, maka penonton atau khalayaknya atau audiencenya juga telah berpisah. Oleh kerana rangkaian itulah maka unsur-unsur pendidikan terpisah, maka apa yang hendak disampaikan tidaklah sampai.

Di rangkaian nasional pula, iaitu rangkaian biasa, kita tengok TV1, rancangan khusus untuk pendidikan agak kurang kerana telah disalurkan ke TV Pendidikan. Yang ada hanyalah beberapa rancangan agama, motivasi dan forum-forum tertentu. Rancangan-rancangan sedemikian mempunyai penonton atau khalayak yang terhad. Hanya mereka yang benar-benar berminat sahaja akan mengikutinya. Apa hal dengan golongan yang tidak berminat, tetapi mesej harus disampaikan kepada mereka. Umpamanya, dalam slot-slot agama banyak sekali unsur-unsur pendidikan moral dan tanggungjawab yang dipaparkan. Pandangan-pandangan untuk mengatasi masalah sosial juga dipaparkan.

Namun begitu, mereka yang berada di dalam kancah sosial ini tidak menonton rancangan-rancangan sedemikian. Yang tertonggok dan terpaku di depan kaca TV hanyalah mereka yang baik-baik belaka. Golongan yang bermasalah ini lebih berminat untuk mengikut rancangan-rancangan atau slot-slot hiburan. Tetapi apakah unsur-unsur pendidikan yang terdapat dalam rancangan-rancangan tersebut? Ada rancangan yang baik, waktu siaran pula yang kurang sesuai. Dalam rancangan-rancangan hiburan di radio kita akuilah kadang-kadang terdapat unsur-unsur memberi maklumat, promosi dan juga pendidikan. Itu pun terpulang kepada DJ-DJ yang berkenaan. Sekiranya DJ mempunyai persediaan dan kesedaran yang baik, maka diselit-selitkan jugalah beberapa unsur pendidikan dan penyampaian maklumat. Tetapi ada juga DJ

yang terjerit-jerit daripada bercakap-cakap dengan sopan-santun dan teratur serta cantik tutur bahasanya tanpa dirojakkan.

Di TV agak berlainan sedikit, Tuan Yang di-Pertua. Selain daripada mendengar penonton lebih terjurus untuk melihat, lantaran itulah penampilan pengacara amat penting. Penonton melihat segala-galanya dari hujung rambut hinggalah ke hujung kaki. Itulah sebabnya apabila mereka tidak lagi dapat melihat rambut Azura Karim, maka banyak yang mengucapkan syabas. Banyak yang diperkatakan mengenai Azura yang telah menutup auratnya dengan memakai tudung. Syabas Azura! - sehingga menjadi bahan berita. Sebenarnya jika kita mahu mengakui apa yang dilakukan oleh Azura ini mengandungi unsur-unsur pendidikan, iaitu mendidik kita mencapai nilai-nilai yang dituntut oleh agama.

Apabila kita memaparkan nilai-nilai murni, maka nilai murni jugalah yang akan menjadi ikutan ramai. Sebaliknya, jika kita membawa nilai-nilai yang bertentangan, nilai itu jugalah yang akan menjadi ikutan. Oleh yang demikian, dengan pakar-pakar yang berselerak di seluruh negara dan juga yang terdapat di KEMPEN, saya mencadangkan agar mereka ini dihimpunkan sebagai pakar rujuk dalam pelbagai kebolehan. Jika tokoh-tokoh tertentu difikirkan tidak mahu ditonjolkan lagi atas apa alasan sekali pun, ambil idea dan pandangan mereka. Umpamanya, Dato' Dr. Harun Din, Dr. Hassan Ali dan Dato' Ismail Kamus dirasakan sudah terlalu lama berbicara di TV, sudah perlu

memberi peluang kepada orang lain, maka janganlah dihamburkan mereka keluar terus. Ambillah pandangan, ambillah pemikiran dari mereka.

Dalam drama-drama di TV atau filem-filem kewujudan unsur-unsur pendidikan juga amat penting. Ia lebih dipenuhi dengan unsur-unsur hiburan sahaja. Kadang-kadang walaupun ada unsur-unsur pendidikan atau teladan, banyak daripadanya tidak bertapak di bumi yang nyata. Apabila ia tidak berpijak di bumi yang nyata, maka ia tidak menjadi ikutan. Apabila ini berlaku, mesej yang hendak disampaikan tidak bersahaja dan jauh daripada meyakinkan. Saya mengambil contoh dalam filem "*Suami-isteri.....*" umpamanya mempunyai mesej yang tajam mengenai kehidupan dan kecekalan seorang isteri membesarkan anaknya setelah berpisah daripada suami yang pernah disayanginya. Dia berusaha keras membesarkan anaknya dengan kepala batunya, degil, ego. Dan selepas dihalau oleh ibu bapanya sendiri, si isteri hanyalah seorang kerani, tetapi dalam filem ini digambarkan mampu menyewa rumah sehebat bossnya sendiri, iaitu rumah mewah dengan kelengkapan yang serba mencukupi, termasuk seti yang hanya mampu diduduki oleh Menteri Penerangan.

Filem ini tidak menggambarkan bagaimana si isteri berjaya mengharungi detik-detik pahit maung yang dilaluinya, tiba-tiba sahaja dipaparkan ia menduduki kerusi empuk di pejabat besar dan menduduki rumah besar juga. Unsur-unsur pendidikan yang harus dipaparkan di sini ialah bagaimana ia

meniti, bagaimana dia mengharungi kehidupan yang pahit, bagaimana ia bertapak dari anaknya kecil, susah pahitnya sehingga ia berjaya. Kita tidak yakin dengan pemaparan seorang kerani yang boleh duduk setaraf dengan bossnya. Bapanya barangkali kaya, tetapi dalam lakonan itu dilihatkan bapanya hanya seorang pekerja kampung sahaja.

Dalam banyak hal, apakah tema yang selalu diselitkan dalam drama atau filem-filem kita? Selalunya, temanya adalah cinta dan pengorbanan yang kadang-kadang diselitkan dengan unsur-unsur pengkhianatan atau sikap serba negatif - yang membina seperti yang disebutkan oleh anggota dari Parit tadi bagaimana, adakah kita hanya balik-balik mahu menonton Opah dan Ummi yang ada sekarang ini, bagaimana dengan filem-filem yang lain. Selain dari unsur-unsur pendidikan dan hiburan, sesuatu rancangan juga harus ada unsur-unsur promosi dan maklumat. Apakah promosi yang terdapat dalam setiap rancangan yang dipaparkan? Dalam rancangan hiburan umpamanya, apakah yang dipromosikan dan maklumat apa yang disampaikan. Yang pasti hanyalah maklumat mengenai album artis dan promosi album berkenaan.

Mengapa kita tidak selitkan promosi kebangsaan seperti tempat-tempat pelancongan dan tempatan peranginan yang menarik di dalam negeri? Tempat-tempat ini boleh dijadikan lokasi penggambaran dan diberikan beberapa maklumat mengenai destinasi itu, malangnya terlalu sedikit yang melakukan ini. Barangkali ia berkaitan dengan modal yang agak tinggi. Jika modal yang

menjadi persoalan, apakah tanggungjawab sosial yang dipegang oleh pihak penyiar seperti penerbit dan pengarah? Kementerian Penerangan sendiri harus mengorak dan memulakan langkah. Jika tidak dia, siapa lagi? Promosi bukan dihadkan sebagai iklan sahaja dan iklan itu tidak boleh dihadkan kepada penjualan barangan sahaja. Kita harus juga mempromosikan cara hidup yang baik, umpamanya kerajaan telah memperkenalkan kempen kebersihan seluruh negara sejak tahun 1989 lagi dengan slogannya “Rakyat Bersih Negara Sihat” bukannya seperti yang selalu kita dengar iaitu “Rakyat Sihat Negara Bersih”.

Slogan ini bunyinya janggal dan mengelirukan. Ini kerana kementerian tidak memainkan peranan benar-benar berkempen untuk menjayakan kempen yang dijalankan oleh kerajaan ini. Di sinilah Kementerian Penerangan akan gagal menjalankan kempennya. Kalau mesejnya tidak sihat, bagaimana mungkin hasilnya juga sihat? Dalam memberi maklumat, radio dan TV juga memainkan peranan yang amat besar dalam dunia komunikasi moden dan canggih ini. Banyak sekali diperkatakan tentang Internet. Orang yang bercakap tentang Internet pun banyak juga termasuklah mereka yang tidak tahu mengenai Internet. Persoalannya, bagaimanakah media elektronik kita, setakat manakah penyiaran kita telah berjaya menerangkan seluas-luasnya kepada kita tentang bagaimana menggunakan Internet, di manakah perkhidmatan itu dapat digunakan dengan mudah dan apakah cara yang paling senang untuk

menggunakannya. Ini semua memerlukan jawapan tepat kerana tidak seorang pun yang harus dipinggirkan daripada menikmati faedah ini.

Dalam rancangan-rancangan TV ada banyak rancangan mengajar orang ramai untuk memasak. Sebenarnya memasak ini, kalau kita tidak belajar pun boleh pandai lama-lama, kerana setiap hari kita masak dan setiap hari kita akan makan. Persoalannya, jika program mengajar memasak dan mendandan rambut boleh disiarkan di TV, kenapa tidak ada program untuk memberi kesedaran tentang penjagaan kereta dan teknik-teknik khusus pengendaliannya di jalan raya? Bukankah pengendalian kenderaan adalah penting, pengetahuan khusus adalah perlu sebagai persediaan untuk menghadapi pelbagai kemungkinan di jalan raya, bagaimana menyediakan diri untuk berhadapan dengan situasi ketika berhadapan dengan kemalangan, apabila kereta rosak apa yang hendak dilakukan? Kita selalunya kalau kereta rosak, kita telefon sahaja formen, sedangkan kadang-kadang kerosakkan itu boleh dilakukan dan boleh dibaiki dengan sendiri.

Di sinilah barangkali Kementerian Penerangan harus menyiarkan rancangan-rancangan informasi dan informatif dengan lebih banyak lagi. Apakah maklumat yang sering disampaikan melalui radio dan TV kita? Yang banyak hanyalah mengenai gangguan bekalan elektrik dan gangguan bekalan air. Maklumat-maklumat lain bagaimana? Umpamanya apa perbezaan peranan dan tanggungjawab Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri dan Ahli-ahli Parlimen.

Masalah-masalah atau tanggungjawab-tanggungjawab ini tidak diterangkan kepada rakyat dengan seluas-luasnya sehinggakan banyak di antara mereka keliru dan akhirnya kita menjadi mangsa.

Begitu juga dengan peranan agensi-agensi kerajaan, jabatan-jabatan kerajaan di peringkat daerah, banyak yang tidak memahami apa peranan mereka sehinggakan seolah-olah wakil rakyatlah yang menjadi ketua jabatan kepada jabatan yang terdapat dalam daerah kita itu. Ini adalah tidak benar, ketua jabatan tetap daripada Pegawai Daerah dan kita menyokong, tetapi kerana kurangnya kempen oleh Kementerian Penerangan ini, kurangnya penerangan dan promosi tentang jabatan-jabatan ini rakyat keliru, seolah-olah kitalah yang menjadi ketua jabatan.

Bagaimanakah hendak kita melahirkan kesedaran ini semua? Jawapannya ialah dengan terlebih dahulu mendidik para penyiar berkenaan. Kita mempunyai Institut Penyiaran Tun Abdul Razak (IPTAR), keberkesananannya harus dipertingkatkan sejajar dengan keperluan semasa. Sehubungan dengan itu, saya mengucapkan syabas kepada TV3 yang mempunyai akademinya sendiri untuk melatih para penyelia yang bermutu. Ada orang berpendapat RTM atau kerajaan yang sepatutnya mempunyai akademi sedemikian, tetapi bagi saya tidak kiralah siapa, asalkan negara kita mempunyai akademi penyiarannya sendiri. Yang penting ialah kita melatih para penyiar kita terlebih dahulu sebelum mereka didedahkan kepada

tanggungjawab dan peranan sebenarnya. Kursus-kursus dalaman atau belajar sambil bekerja yang diamalkan sebelum ini tentulah sudah tidak sesuai lagi. Latihan-latihan atau pelajaran di institusi-institusi pengajian tinggi sahaja pun belum pasti dapat menjamin keberkesanan kerana kenyataan hidup adalah berbeza daripada teori pendidikan.

Tuan Yang di-Pertua, oleh itu selain daripada kawalan atau pemberian kuasa terhadap pindaan akta ini hendaklah diberikan juga pengertian dan makna yang lebih luas. Pengisian program adalah sama pentingnya. Jika kita cuma mengawal pelesenan, pemilikan dan sebagainya tanpa mengisi program-program yang bernas, bermutu dan wajar, sia-sialah pindaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya mengambil kesempatan sedikit, sebagai bekas pelajar penyiaran untuk menyentuh tentang apa yang dibangkitkan oleh dua orang Ahli Yang Berhormat anak-beranak, dari Tanjong dan Kota Melaka yang telah mempertikaikan kesasihan pengeluaran lesen kepada Measat Broadcast. Sebenarnya, pengeluaran lesen, kalau kita lihat pada hakikatnya dari segi undang-undang, pengeluaran lesen satelit Measat Broadcast adalah sah dari segi undang-undang. Saya bukan hendak menjawab bagi pihak kementerian, tetapi setakat pembacaan yang dipelajari, kerana terdapat dua akta yang berkaitan dengan pengeluaran lesen ini, pertama ialah Akta Penyiaran 1988 yang memberi kuasa kepada Menteri Penerangan untuk mengeluarkan lesen penyiaran kepada Measat Broadcast untuk beroperasi

sebagai sebuah stesen penyiaran yang menjalankan aktiviti-aktiviti penyiaran, yang keduanya pula ialah Akta Telekomunikasi, 1950 yang memberi kuasa kepada Menteri Tenaga, Telekom dan Pos untuk mengeluarkan lesen pemasangan pengendalian peralatan kepada Measat Broadcast.

Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan bahawa Menteri Penerangan telah pun melulus dan mengeluarkan lesen penyiaran kepada Measat Broadcast berkuatkuasa di bawah Seksyen 4, Akta Penyiaran 1988, manakala Menteri Tenaga, Telekom dan Pos pula telah meluluskan dan mengeluarkan lesen peralatan stesen penyiaran kepada syarikat yang sama berkuatkuasa di bawah Seksyen 3 dan Seksyen 37 Akta Telekomunikasi 1957. Oleh yang demikian, apa yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka dan Tanjong itu adalah merupakan satu silap faham ataupun sengaja mahu memutarbelitkan keadaan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan, itu saya mengucapkan terima kasih dan mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Saya minta Timbalan Menteri menjawab.

6.00 ptg.

Timbalan Menteri Penerangan [Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan

terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyokong Rang Undang-undang Penyiaran (Pindaan) 1996 ini.

Saya juga mengambil peluang ini untuk memperjelaskan persoalan-persoalan yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat semasa membahas rang undang-undang berkenaan.

Sebahagian besar Ahli-ahli Yang Berhormat yang membahas Rang Undang-undang Penyiaran (Pindaan) 1996 ini membangkitkan masalah kawalan bahan-bahan siaran radio dan televisyen. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa semua filem dan video di televisyen ditapis oleh Lembaga Penapisan Filem Kementerian Dalam Negeri sebelum disiarkan. Kemudian stesen-stesen penyiaran juga ada membuat tapisan dalaman masing-masing, bagi memastikan program-program itu sesuai untuk tayangan, dengan izin, free to air.

Bagi memastikan program-program yang disiarkan sesuai dengan selera dan ekspektasi penonton, semua stesen penyiaran telah diseru untuk memainkan peranan sebagai pengambang maklumat, gate keepers, dengan izin, mewujudkan falsafah dan set manual serta tidak terlalu mementingkan rating semata-mata untuk memuaskan kehendak pengiklan hingga membelakangi kehendak-kehendak etika penyiaran dan sensitiviti-sensitiviti lain serta obligasi sosial.

Bagi bahan-bahan siaran televisyen satelit, kawalannya dilakukan melalui empat peringkat, iaitu:

- (i) kawalan dalaman oleh stesen penyiaran sendiri;
- (ii) kawalan ke atas pembekal bahan;
- (iii) kawalan oleh ibu bapa melalui kad pintar; dan
- (iv) bagi filem video dikawal oleh Lembaga Penapisan Filem Kementerian Dalam Negeri.

Ahli Yang Berhormat dari Marang mengesyorkan supaya ditubuhkan satu majlis penyiaran yang dianggotai oleh semua pihak dan memberi tumpuan kepada masalah keruntuhan moral di dalam masyarakat. Sememangnya menjadi hasrat Kementerian Penerangan untuk menubuhkan satu badan yang bebas yang dianggotai oleh semua pihak, pemilik media elektronik dan dibantu oleh pertubuhan-pertubuhan yang mementingkan para pengguna.

Antara tugas utama badan ini ialah untuk memastikan bahawa setiap rancangan yang disiarkan oleh media elektronik mementingkan penghayatan moral, nilai-nilai budaya dan etika penyiaran.

Ahli Yang Berhormat dari Parit Sulong telah menyentuh beberapa perkara yang antara lain iaitu pihak yang bertanggungjawab ke atas Internet, garis panduan siaran dan pengurusan iklan tajaan.

Mengenai Internet, penguasaannya bukan di bawah bidang kuasa Kementerian Penerangan, sebaliknya ia diurus oleh Kementerian Sains,

Teknologi dan Alam Sekitar melalui MIMOS. Perkhidmatan Internet tidak termasuk di bawah perkhidmatan penyiaran yang disenaraikan dalam jadual baru yang dimasukkan dalam rang undang-undang. Hanya perkhidmatan penyiaran yang disenaraikan sahaja yang hendaklah dilesenkan di bawah Akta Penyiaran 1988.

Penerimaan bahan penyiaran asing pula adalah melalui cable ke Internet. Ini selaras jawapan untuk Ketua Pembangkang. Seksyen baru 11A rang undang-undang bertujuan mengawal aktiviti penerimaan bahan penyiaran asing melalui satelit secara langsung. Maka berdasarkan kepada dua hujah ini, Internet tidak wajar dikawal oleh Menteri Penerangan.

Berkaitan dengan

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Parit Sulong bangun.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin penjelasan daripada timbalan menteri. Internet sekarang ini menjadi satu saluran yang amat berkesan dan pantas, khususnya untuk penyaluran maklumat antara seorang individu kepada individu yang lain ataupun seorang individu kepada seluruh dunia. Internet juga menikmati total freedom, kebebasan yang terlalu total, kebebasan untuk menyebarkan apa sahaja tanpa sekatan sama ada

penyebaran bahan yang bermoral, bahan yang subversif, bahan yang lucu, atau bahan yang boleh menggegarkan sesuatu negara.

Jadi, dalam erti kata lainnya, Internet akan menjadi satu saluran yang boleh menjejaskan internal security ataupun keselamatan dalam negeri. Perkara ini telah pun menjadi satu topik perbincangan di kalangan para penyelidik di Barat, walaupun mereka belum mempunyai kata putus, bagaimanakah mahu memperbaiki atau mengatasi perkara ini.

Oleh kerana Malaysia, adalah negara amat menitikberatkan perpaduan kaum, yang sentiasa menitikberatkan public order, dan menitikberatkan national security, adakah tidak kita melihat bahawa kehadiran komputer dan Internet satu hari nanti mungkin akan disalahgunakan sebagai providers kepada perkara-perkara yang subversif dan boleh menjejaskan serta meruntuhkan keselamatan negara.

Sekiranya ini berlaku, siapakah yang akan dipertanggungjawabkan? Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, memang bertanggungjawab terhadap laluan trafik kepada superhighways. Tetapi siapakah yang akan bertanggungjawab untuk mengesan sama ada perkara-perkara yang disalurkan menerusi superhighways ini perkara-perkara yang tidak prejudicial kepada national security.

Oleh itu saya cadangkan sementara pelesenan Jaring-Access kepada Internet dibuat oleh MIMOS, kita juga harus mempertanggungjawabkan satu

organisasi yang khusus untuk mengesan bahan-bahan maklumat yang disalurkan menerusi Internet.

Saya takut jika perkara ini tidak dikawal, ia boleh disalahgunakan dalam negara kita. Memang kita boleh lagi mengesan bahan-bahan penerbitan dan percetakan, seperti kandungan-kandungan majalah luar negeri yang mungkin pada perkiraan kita boleh menimbulkan prejudicial kepada national security. Tetapi siapakah yang akan menyekat perkara-perkara yang bertentangan dengan national security yang disalurkan melalui Internet? Persoalan ini very basic dan very fundemantal, Tuan Yang di-Pertua dan saya ingin mendapat penjelasan daripada Timbalan Menteri.

Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan setinggi penghargaan kepada Ahli Yang Berhormat dari Parit Sulong di atas keprihatinan beliau seperti yang disebut tadi. Namun demikian, kita mesti memberi keyakinan kepada Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar dan setakat ini biarlah Internet di bawah MIMOS dan di bawah kementerian tersebut.

Ahli Yang Berhormat juga

Tuan Lim Kit Siang: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Ya, Tanjong bangun, Yang Berhormat.

Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed: Biar saya habiskan dahulu, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Sedikit sahaja mengenai perenggan Fasal 4 ialah mengenai Internet saya ada bertanya dan Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menjawab, sama ada Internet adalah jatuh dalam Rang Undang -undang Penyiaran (Pindaan). Sungguhpun intend Kementerian Penerangan ialah tidak mahu melibatkan Internet tetapi yang mustahak ialah bukan apa yang kita mahu atau tidak mahu, apa yang mustahaknya ialah apa yang termaktub dalam isi kandungan rang undang-undang. Ini akan menjadi undang-undang. Bukankah hasrat kita termasuk hasrat Yang Berhormat Menteri atau Yang Berhormat Timbalan Menteri yang membentang atau menggulung perbahasan. Apabila satu-satu kes pergi ke mahkamah, apa yang akan ditentukan oleh mahkamah ialah apa hitam putih dalam sesuatu akta.

Di sini, ini mustahak oleh kerana tadi kita boleh dengar Yang Berhormat dari Parit Sulong, Pengerusi BBC yang suara dan nadanya itu kita khuatir. Nampaknya mahu melesenkan setiap personal computer oleh kerana seolah-oleh setiap personal computer boleh menjadi bahaya kepada masyarakat kita. Nampaknya dia mahu *political commissar* untuk menjaga Internet. Beliau beri satu gambaran bahawa ia adalah satu advocate teknologi maklumat, tetapi nampaknya.....

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Yang Berhormat, Parit Sulong bangun.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Boleh saya jelaskan sedikit?

Tuan Lim Kit Siang: Nanti, nanti.....

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Saya bukannya berniat.....

Tuan Lim Kit Siang: Peraturan Mesyuarat tak benarkan penjelasan atas penjelasan.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: No, Tuan Yang di-Pertua, sebelum dia silap, saya bukan minta dilesenkan personal computer.....

Tuan Lim Kit Siang: Nanti, nanti....Nanti saya beri. Nanti tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Timbalan Menteri bangun ya.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Come-onlah Ketua Pembangkang!

Tuan Lim Kit Siang: Nanti, nanti. Yang Berhormat Timbalan Menteri berkata, apa yang terkandung dalam seksyen 4 dalam rang undang-undang ini dengan nyata menunjukkan bahawa Internet tidak termasuk di dalam bil ini.

Sebenarnya kalau kita baca seksyen 4(1), apa yang terkandung berbunyi seperti berikut:

“Tiada seorang boleh menyiarkan apa-apa bahan penyiaran di dalam atau dari Malaysia melainkan -

- (a) melalui atau dengan menggunakan mana-mana perkhidmatan penyiaran yang ditetapkan dalam Jadual.”

Apa yang Berhormat Timbalan Menteri kata ialah, kalau benda tidak ada dalam Jadual, itulah excluded dan oleh kerana Internet tidak ada dalam Jadual, itulah excluded. Tetapi ini bukan semestinya intepretasi apa yang kita ada “bahawa tiada seorang pun boleh menyiarkan apa-apa bahan penyiaran di dalam atau dari Malaysia melainkan (a) dan (b).”

Bererti bahawa apa-apa bahan penyiaran atau broadcast matter yang tidak ada dalam (a) tidak dibenarkan. Bukankah itu satu intepretasi? Apa-apa broadcast matter yang tidak terkandung dalam Jadual di dalam (a) tidak dibenarkan oleh kerana tiada seorang pun boleh menyiarkan apa-apa bahan penyiaran di dalam atau dari Malaysia “melainkan” apa yang termaktub di dalam (a). Dan apabila perkara-perkara yang termaktub di dalam (a), lagi satu syarat ialah (b), untuk mendapat lesen daripada Menteri berkenaan dalam bahagian ini.

Satu perkara yang tidak ada di dalam (a) tidak boleh dibenarkan - broadcast matter tidak boleh disiarkan. Kalau jatuh di dalam (a), hendaklah mendapat lesen di bawah (b). Sebab itulah ada kekeliruan bahawa bolehlah Internet jatuh di dalam bahagian ini dan sebab itu saya ada mencadangkan

bahawa penjelasan ini dibuat dengan dinyatakan dalam rang undang-undang ini oleh kerana apa-apa jaminan yang dibuat oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri sungguhpun saya mengalu-alukan, bukan undang-undang. Undang-undang ialah apa yang ada di dalam bil dan akta.

Dato Drs. Suleiman bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat juga menyebut soal a matter of intepretation terhadap akta ini. Jadi, pada setakat ini memang ia seperti saya sebut di bawah MIMOS. Namun demikian, Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos setakat ini telah dilantik oleh kerajaan untuk menyelaraskan satu kajian ke atas undang-undang yang berkaitan dengan penggunaan rangkaian sama ada multimedia, termasuk Internet di negara ini, melainkan kalau misal kata, komputer ataupun pager mahupun telefon yang pernah Yang Berhormat Ketua Pembangkang bangkitkan dalam perbahasan semalam dan hari ini. Jika ia menerima bahan penyiaran, ia boleh dilesenkan.....

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Parit Sulong bangun, Yang Berhormat.

Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed: Minta saya selesaikan dahulu.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Boleh tak Yang Berhormat Timbalan Menteri?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Hendak beri jalan?

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya faham maksud Timbalan Menteri dan kita mengalu-alukan usaha yang dijalankan oleh pihak kerajaan. Saya cuma hendak membetulkan rekod, bukan untuk minta Kementerian Penyiaran melesenkan setiap komputer.

Sebenarnya Internet membawa perkembangan yang baru. Umpamanya interactive computer. Umpamanya sekarang ini KUB, organisasi di mana saya adalah salah seorang anggota pengarahnya, sedang memikirkan masalah penggunaan interactive video conferencing, interactive computer untuk virtual university umpamanya. Ini satu perkembangan yang baru.

Ini bermakna akan ada satu interaksi komputer, penyaluran maklumat yang berterusan pada setiap hari, mungkin antara satu point di Malaysia dengan beberapa point yang lain di Malaysia dan mungkin juga apabila kita eksportkan produk pendidikan ini umpamanya ke luar negara. Ini boleh ditafsirkan sebagai proses penghantaran maklumat ke luar negara dan mungkin juga kita akan menerima penyiaran maklumat dari luar negara kepada pusat universiti virtual itu dari sini. Ini juga akan ditafsirkan sebagai penyaluran masuk maklumat dari luar negara ke dalam negara kita menerusi Internet dan mungkin access providers yang lain-lain.

Sebab itu saya minta supaya perkara ini diperdalam lagi di masa akan datang. Memang saya yakin perkara ini akan diatasi apabila datang keperluannya. Tetapi, elok juga perkara ini difikirkan lebih awal sebelum keperluan itu mendesak untuk kita menerimanya.

Dato' Dr. Suleiman bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, saya cukup menghargai komentasi Yang Berhormat Parit Sulong dan Ketua Pembangkang. Tetapi setakat ini keadaannya adalah demikian.

Saya sambung. Yang Berhormat Parit Sulong juga telah menyentuh soal garis panduan siaran. Ianya bukan sesuatu yang baru, sebaliknya garis panduan yang sedia ada dikaji semula untuk disesuaikan dengan perubahan-perubahan terkini.

Garis panduan ini sedang dalam peringkat terakhir penelitiannya dan apabila siap nanti akan diedarkan kepada semua stesen penyiaran. Kajian semula garis panduan ini melibatkan berbagai agensi kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan dan stesen-stesen penyiaran.

Buat masa ini, Kementerian Penerangan belum bercadang untuk menjadikan garis panduan yang disentuh oleh Yang Berhormat dari Parit Sulong sebagai rules dan regulations, dengan izin.

Namun begitu, sekiranya ada justifikasi untuk menjadikannya sebagai rules dan regulations pada masa-masa akan datang, maka ianya boleh dilakukan mengikut keperluannya. Mana-mana pihak yang melanggar peraturan-

peraturan yang terdapat di dalam garis panduan itu, umpamanya artis, maka hukuman akan dikenakan, termasuk antaranya dilarang muncul di dalam televisyen dan radio, yang mana berkenaan, dalam sesuatu tempoh yang ditetapkan.

Mengenai pengurusan iklan, matlamat sesuatu iklan itu ialah untuk menarik minat penonton dengan menggunakan pelbagai kaedah dalam usaha untuk memasarkan perkhidmatan dan barangan pengiklan. Semua iklan di dalam radio dan televisyen diteliti terlebih dahulu sebelum disiarkan, cuma terdapat iklan yang bercorak fantasi dan simbolik yang kadang kala sukar untuk difahami hingga wujud kelainan tafsiran. Sehubungan dengan itu, Kementerian Penerangan akan terus berusaha untuk mengurangkan siaran iklan-iklan yang boleh menimbulkan rasa kurang senang dan menghasilkan salah tafsiran di kalangan penonton.

Ahli Yang Berhormat dari Bandau meminta supaya mengawal iklan barangan jenama rokok agar tidak menonjolkan jenama rokok dan mengawal iklan-iklan luar negeri yang memasuki negara ini melalui satelit TV. Dalam menimbang iklan barangan atas jenama rokok, beberapa perkara penting adalah diberi perhatian:

- (i) iklan itu tidak dikaitkan dengan rokok, termasuk aksesori rokok atau boleh menggalakkan tabiat merokok;

- (ii) barangan atau perkhidmatan yang diiklankan dilindungi undang-undang seperti perniagaannya didaftarkan alamat perniagaan yang tetap dan mempunyai tanda niaga yang sah; dan
- (iii) contoh barangan yang diiklankan dapat ditunjukkan apabila diminta.

Buat sementara waktu sememangnya ada iklan-iklan dari luar negeri yang masuk ke negara ini melalui televisyen satelit, namun begitu kementerian ini telah berunding dengan Measat broadcast untuk menggantikan iklan-iklan dari luar negeri dengan iklan-iklan tempatan. Buat sementara waktu sememangnya ada iklan-iklan dari luar negeri yang masuk seperti saya sebutkan tadi, tetapi selepas setahun pelancaran televisyen satelit ini semua iklan adalah tertakluk kepada kod pengiklanan yang baru. Adalah menjadi dasar Kementerian Penerangan tidak membenarkan iklan alkohol dan rokok.

Ahli Yang Berhormat dari Bandau dan Bintulu menjelaskan bahawa penduduk di negeri Sarawak dan Sabah telah pun menikmati siaran televisyen satelit melalui parabola semenjak beberapa lama yang mana terbukti tidak menjejaskan akhlak penontonnya dan dengan demikian, meminta kerajaan membenarkan penggunaan parabola yang sedia ada. Dasar kerajaan ialah 'limited open sky' supaya kita dapat memastikan keseimbangan di antara tuntutan akses bebas penduduk kepada maklumat hiburan dan tanggungjawab

kerajaan untuk mengawal siaran televisyen supaya tidak bercanggah dengan falsafah dan nilai hidup masyarakat.

Ahli Yang Berhormat dari Bintulu rasa tidak puas hati kerana radio dan televisyen berat sebelah dalam siarannya iaitu tidak menyiarkan aktiviti-aktiviti ahli-ahli pembangkang, siaran TV3 tidak dapat dilihat di beberapa tempat di Sarawak dan mencadangkan supaya diperbanyakkan siaran dalam bahasa Mandarin. Adalah menjadi tanggungjawab stesen-stesen penyiaran hanya menyiarkan berita-berita utama dan penting (news worthy). Ini bermakna bahawa berita-berita kurang utama dan kurang memberi manfaat kepada rakyat secara keseluruhan tidak disiarkan.

Mengenai liputan siaran TV3, kemampuan meluaskan perkhidmatannya termasuk di negeri Sarawak adalah di luar kawalan kerajaan kerana TV3 merupakan sebuah syarikat swasta. Bagi kerajaan, kita sememangnya bersedia untuk menimbang sekiranya TV3 ingin memperluaskan liputan siarannya ke kawasan-kawasan yang belum diliputinya.

Mengenai cadangan memperbanyakkan program-program berbahasa Mandarin, adalah menjadi dasar kerajaan untuk membenarkan pelbagai dialek berbahasa Cina untuk memastikan bahawa hasrat kerajaan menyalurkan maklumat dan mesej difahami oleh sebahagian besar masyarakat keturunan Cina.

Ahli Yang Berhormat dari Sipitang pula telah menyentuh ketetapan teknikal sesuatu program. Masih ada kawasan di Sarawak yang belum menerima siaran TV dan mencadangkan supaya fee lesen TV dimasukkan dalam harga pembelian TV dan meminta supaya stesen penyiaran yang melanggar peraturan dikenakan tindakan.

Mengenai masalah perincian teknikal ini, sememangnya tidak dinafikan terdapat beberapa kesilapan fakta di dalam sesuatu drama atau iklan. Kementerian Penerangan memandang serius perkara ini dan sentiasa menasihati para penerbit drama dan iklan supaya membuat penyelidikan fakta agar insiden seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dapat dikurangkan pada masa-masa yang akan datang.

Mengenai kawasan-kawasan di Sarawak yang masih belum menerima siaran televisyen dengan baik, perkara ini berlaku disebabkan masih terdapat kawasan terlindung, khususnya kawasan pedalaman seperti Sipitang. Usaha-usaha sedang dilaksanakan untuk mengatasi masalah kawasan terlindung ini di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh. Dalam hubungan ini, Kementerian Penerangan telah memperuntukkan sebanyak RM15.91 juta di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh untuk mempertingkatkan kualiti penerimaan siaran di Sarawak. 4 buah TVRO telah dipasang di kawasan-kawasan Batu Bungan, iaitu di Mulu, kemudian Long Kebok di Baram, Lesong Laku dan Long Jekitan di Bakun. Sebanyak 10 lokasi telah dikenal pasti untuk

menempatkan transposer TV dan pemancar radio FM. Fasa I ialah di Bukit Sagang Rudang, Nanga Mendamit di Limbang dan Belaga. Manakala Fasa II ialah di Bukit Ampongan, iaitu di Serian, di Mukah, Lubok Antu, Bukit Sebangkoi, Sepaoh di Betong, Saratok, Batu Niah, Ba'Kelalan dan Matu.

Berkaitan sistem pemungutan fee lesen televisyen telah dipertingkatkan dan mencapai tahap yang memuaskan. Melalui sistem yang baru ini bukan sahaja hasil fee lesen televisyen meningkat bahkan memudahkan kutipannya. Walaupun cadangan mengenakan fee lesen TV ke dalam harga televisyen itu satu jalan yang mudah untuk mengutip, namun banyak hal yang mungkin timbul yang berlaku ketidakadilan, umpamanya set TV mengalami kerosakan atau musnah sebelum jangka masa bayaran fee berakhir, umpamanya 10 tahun. Namun, Kementerian Penerangan bersedia untuk mengkaji cadangan Ahli-ahli Yang Berhormat.

Mengenai penalti ke atas stesen penyiaran yang melanggar syarat lesen Rang Undang-undang Penyiaran (Pindaan) 1996, sememangnya terdapat peruntukan dan peraturan untuk mengenakan hukuman yang setimpal kepada stesen-stesen penyiaran yang melanggar peraturan-peraturan yang telah ditetapkan.

Ahli Yang Berhormat dari Parit Buntar meminta kerajaan supaya tidak melaksanakan dasar 'langit terbuka' untuk menyekat kemasukan unsur-unsur negatif. Stesen penyiaran digesa menyiarkan program-program yang bermutu

dan mengurangkan hiburan serta menghentikan siaran jualan langsung di televisyen. Adalah menjadi dasar kerajaan tidak mengamalkan dasar langit terbuka, sebaliknya dasar yang diamalkan hari ini ialah ‘limited open sky policy’, dengan izin.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Yang Berhormat, masa untuk hari ini sudah cukup, minta sambung besok.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ini ditangguhkan sekarang sehingga jam 2.30 **petang hari esok.**

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.